

# METODOLOGI HUKUM ISLAM MENURUT ALIRAN DEOBANDI DI MALAYSIA

## Islamic Jurisprudence Methodology: An Analysis of Deobandi School in Malaysia

Ahmad Zulkernain Che Age\*  
Saadan Man\*\*

### ABSTRACT

*The significant influence of Deobandi scholars, known for their expertise in Hadith and the Quran, raises the question of what legal methodology is adhered to by the scholars of this school. A comprehensive legal methodology typically consists of uşūl al-fiqh, qawā'id al-fiqhiyyah and maqāşid al-syāri'ah. Today, the community has witnessed the rejection by some of these scholars by some of these scholars towards local practices such as maulīd ar-rasūl, tahlil and so on. This study has several importance implications, serving as a reference for future researchers, JAKIM, the State Department of Islamic Religion, and graduates of the*

---

\* Calon Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur (Corresponding Author). zulkernaincheage@yahoo.com

\*\* Associate Professor, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. saadan@um.edu.my

*Deobandi school itself. This study took the form of a qualitative study and involved interviews with nine Deobandi respondents. The results indicate that the Deobandi school does not employ a complete legal methodology, and there is inconsistency among the respondents when applying the legal methodology in the absence of the Qur'an and Hadith. These suggests that, maqāṣid al-shāri'ah is largely overlooked by the majority of the respondents.*

**Keywords:** *Deobandi school, legal methodology, maqāṣid al-shāri'ah, qawā'id al-fiqhiyyah, uṣūl al-fiqh*

## PENDAHULUAN

Deobandi adalah perkataan yang diambil dari nama sebuah madrasah di Uttar Pradesh, India iaitu Dar al-Ulum Deoband. Kemudian Dar al-Ulum Deoband menjadi satu jenama apabila sistem pengajiannya iaitu sistem *Nizami 'yyāh* telah dijadikan satu metod pengajian di institut-institut seluruh dunia. Aliran ini bermula dengan penyebaran dakwah, pendidikan dan politik Islam di India. Pada awalnya, sebelum tertubuhnya Dar al-Ulum Deoband, idea kepada pembentukan pemikiran ini tercetus disebabkan kejatuhan Islam yang merudum ditengah-tengah penjajahan British dan konflik Islam dengan agama Hindu. Tokoh pertama yang mengadaptasikan pemikiran ini adalah tokoh pembaharu Islam iaitu Shah Waliyullah al-Dehlawi.

Beliau mempunyai beberapa pendapat tentang kejatuhan Islam yang dilihat sangat membimbangkan. Bagi beliau, aspek-aspek buruk yang menjadi kejatuhan merudum ajaran Islam pada ketika itu adalah kerana pertukaran sistem pemerintahan khalifah Islam kepada sistem Monarki, perpecahan di kalangan umat Islam dan juga sistem taklik buta dalam ajaran Islam yang diambil dari generasi ulama terdahulu. Shah Waliyullah al-Dehlawi menggabungkan ilmu Islam iaitu al-Quran, tafsir, hadith, fiqh, mantik, usul, tasawuf dan falsafah kepada satu gagasan

ilmu pengajian tinggi Islam yang mengeluarkan ribuan ulama di seluruh dunia.<sup>1</sup>

Gerakan pemikiran Shah Waliyullah al-Dehlawi kemudian telah berpecah kepada dua gerakan selepas kematian beliau pada 20 Ogos 1763.<sup>2</sup> Ia terjadi ketika gerakan ini menjadi masyhur dalam kalangan masyarakat. Perpecahan yang berlaku telah menghasilkan dua kumpulan. Gerakan pertama ke arah jihad secara fizikal manakala gerakan kedua pula jihad secara intelektual atau pemikiran.<sup>3</sup> Gerakan kedua telah diterajui oleh Muhammad Qasim al-Nanautawi, Rashid Ahmad al-Gangohi, Zu al-Faqar ‘Ali dan al-Haj ‘Abid Husayn.<sup>4</sup> Mereka mengambil aspirasi Shah Waliyullah al-Dehlawi dengan menubuhkan madrasah moden Islam iaitu Dar al-Ulum Deoband pada 15 Muharram 1283H bersamaan dengan 30 Mei 1867.<sup>5</sup> Madrasah moden ini telah melahirkan ribuan ulama tersohor seperti Husayn Ahmad al-Madani, Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri, Abu Hasan Ali al-Husayni al-Nadwi, Habib al-Rahman al-A’zami dan ramai lagi. Sehingga tahun 1990, majoriti ulama lepasan Dar al-Ulum Deoband masing-masing mengembangkan aliran Deobandi dengan tertubuhnya 200,000 buah madrasah di India, Pakistan, Bangladesh, Nepal dan lain-lain

---

<sup>1</sup> Syafiq A. Mughni, Ahmad Firdaus dan Akmaliah, Tawarikh: Journal of Historical Studies, Dar al-Ulum of Deoband: An Education, *Propagation and Islamic Political in India* 10, no. 2 (2019).

<sup>2</sup> Akalily Narmi, Mohd Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubuk, Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi dalam Perkembangan Intelektual Islam di Malaysia: Beberapa Perkembangan Mutakhir. *Journal of al-Tamaddun* 17, no. 1 (2022), 98.

<sup>3</sup> Syafiq A. Mughni, Ahmad Firdaus dan Akmaliah, “Tawarikh: Journal of Historical Studies, Dar al-Ulum of Deoband: An Education,” *Propagation and Islamic Political in India* 10, no. 2 (2019).

<sup>4</sup> Muhammad Tayyib, *Ulama Deoband Ittijahuhum al-Dini wa Mizajuhum al-Madhabi* (Hind: Dar al-Uum Deoband, 2001), 76-79, Sayyid ‘Abd al-Majid al-Ghawri, *A ‘lam al-Muhaddithin fi al-Hind fi al-Qarn al-Rabi’ Ashar al-Hijri wa Atharuhum fi al-Hadith wa Ulumihi* (Dimasyq: Dar Ibn Kathir, 2000), 153-154; Barbara Metcalf, “The Madrasa at Deoband: A Model for Religious Education in Modern India,” *Modern Asian Studies* 12, no. 1 (1978)..

<sup>5</sup> Syafiq A. Mughni, Ahmad Firdaus dan Akmaliah, “Tawarikh: Journal of Historical Studies, Dar al-Ulum of Deoband: An Education.”

negara jiran yang menggunakan metod yang sama seperti Dar al-Ulum Deoband.<sup>6</sup> Dar al-Ulum Deoband bukan sahaja merupakan institusi pengajian Islam yang terulung di India, malah ia menjadi satu badan yang memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah Islam dan politik yang berpengaruh sebagai nadi kepada suara nasionalisme Islam di India.<sup>7</sup>

Kemudian selepas 31 tahun penubuhan Dar al-Ulum Deoband, usaha kepada pembaharuan aliran dan silibus Deobandi telah cuba dibuat pada tahun 1898 bersamaan 1316H dengan menubuhkan Dar al-Ulum Nadwatul Ulama di Lucknow<sup>8</sup> oleh Mohammed Ali Mongeri dan gurunya Maulana Lutfullah. Ia berikutan pertelagahan berlaku di antara dua kumpulan besar ulama India yang melibatkan golongan ulama ortodok dan moderat. Masing-masing mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam kalangan masyarakat India. Golongan ortodok teguh dengan pendirian mereka yang ingin mengekalkan pemikiran ulama silam dan sekali-kali tidak membenarkan idealogi baharu dibawa masuk ke dalam aliran Deobandi walaupun perkara baharu itu dilihat memberi faedah kepada umat Islam. Manakala golongan moderat pula cuba menambahbaik dan membawa masuk ideologi atau pemikiran baharu mengikut keadaan ketika itu yang dirasakan sesuai dan boleh diterapkan ke dalam pengajian Islam. Matlamat penubuhan Dar al-Ulum Nadwatul Ulama, Lucknow adalah bagi mewujudkan kesefahaman antara golongan ortodok dan juga moderat dalam melakukan perubahan yang membawa kepada kebaikan dan menguntungkan umat Islam menuju ke arah kemajuan.<sup>9</sup>

---

<sup>6</sup> Faisal Ahmad Shah, *Pelajar-pelajar Malaysia di Institusi-institusi Pengajian Islam di India: Analisis Bermula Tahun 1947 Sehingga 1990*, Tesis Ph.D, pensyarah kanan di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Jurnal al-Tamaddun, Bil. 4 (2009) 157-176.

<sup>7</sup> Syafiq A. Mughni, Ahmad Firdaus dan Akmaliah, *op. cit.*, vol. 10 (2).

<sup>8</sup> Ghanzanfar Ali Khan, (2004), *History of Islamic Education in India and Nadvat ul Ulama*, New Delhi: Kitab Bhavan, h. 92-100.

<sup>9</sup> Faisal Ahmad Shah, *Pelajar-pelajar Malaysia di Institusi-institusi Pengajian Islam di India: Analisis Bermula Tahun 1947 Sehingga 1990*, Tesis Ph.D, pensyarah kanan di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Jurnal al-Tamaddun, Bil. 4 (2009) 157-176.

## PERKEMBANGAN ALIRAN DEOBANDI DI MALAYSIA

Seramai 600 orang pelajar warganegara Malaysia telah menamatkan pengajian di Dar al-Ulum Deoband sejak tahun 1947 sehingga 1990.<sup>10</sup> Ulama-ulama aliran ini menyantuni dan berkhidmat kepada masyarakat dengan mengajar agama di masjid, madrasah dan surau ceruk-ceruk kampung di pelusuk negara. Mereka juga tidak terlepas menceburkan diri dalam politik malah menjadi ahli politik yang sangat disegani seperti Nik Abdul Aziz Nik Mat<sup>11</sup> dan ada di antara mereka yang menjadi rujukan masyarakat dalam bidang hadith seperti Tok Khurasan.<sup>12</sup> Ilmu-ilmu Islam yang tinggi dan jasa mereka terhadap masyarakat Islam di Malaysia tidak dapat dinafikan lagi.<sup>13</sup>

Aliran Deobandi pada kebiasaannya akan membina pusat pengajian swasta milik persendirian. Ada juga di antara mereka yang hanya berkhidmat sebagai tenaga pengajar di institut yang menyediakan silibus tersebut. Walaupun pengajian tahfiz sudah mula bertapak di Malaysia sejak tahun 1966 yang telah dicetuskan oleh Tunku Abdul Rahman dengan menubuhkan kelas pengajian menghafaz al-Quran dan ilmu *qirā'at* di bawah pengelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia,<sup>14</sup> namun boleh dikatakan madrasah-madrasah swasta tahfiz, '*ālim* dan '*ālimah* di Malaysia masa kini dipelopori oleh aliran tersebut.<sup>15</sup> Institusi tahfiz di Malaysia berkembang dengan sangat pesat sehingga mendapat perhatian daripada pihak kerajaan dengan

---

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Mantan Menteri Besar Kelantan.

<sup>12</sup> Abu Abdullah Sayyid Hassan bin Nur Hasan.

<sup>13</sup> Faisal bin Ahmad Shah, Pelajar-pelajar Malaysia di Institusi-institusi Pengajian Islam di India: Analisis Bermula Tahun 1947 Sehingga 1990, Tesis Ph.D, pensyarah kanan di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, *Jurnal al-Tamaddun*, Bil. 4 (2009) 157-176.

<sup>14</sup> Solahuddin Ismail, *Jurnal Sejarah Perkembangan dan Status Terkini Pengajian Tahfiz di Malaysia*, Pusat Pengajian Kerajaan COLGIS Universiti Utara Malaysia, h. 2.

<sup>15</sup> Mohd Dailami, Bendahari Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Kebangsaan, (PINTA Kebangsaan dan Pengerusi PINTA Selangor), 14 Febuari 2021, dalam temu bual dengan pengkaji.

menyediakan bajet khusus bagi melancarkan perjalanan institusi tahfiz dalam negara yang majoritinya adalah aliran Deobandi melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN).<sup>16</sup>

## LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Kajian ini tercetus apabila pengkaji melihat sebahagian ulama aliran Deobandi di Malaysia bertembung dengan keadaan setempat baik dari segi pemikiran mahupun penghasilan terhadap sesuatu hukum. Malah ia juga kadang-kadang bertembung dari segi penghukuman ke atas akidah masyarakat. Atas dasar kebimbangan yang sangat mendalam, pengkaji telah menjadikan tajuk ini sebagai kayu ukur kepada apakah sebenarnya yang telah terjadi kepada ulama aliran Deobandi di Malaysia.

Perkara yang menjadi kebimbangan ini telah menyebabkan berlakunya pertelagahan dalam kalangan ulama aliran Deobandi dengan masyarakat arus perdana. Ini kerana amalan norma umat Islam di Malaysia seperti majlis *maulid ar-rasul*,<sup>17</sup> tahlil, bacaan surah Yasin pada malam jumaat, kenduri arwah dan lain-lain yang diamalkan dalam masyarakat Melayu dianggap amalan yang tidak ada ketika zaman nabi, sahabat dan tabi'in. Amalan-amalan tersebut dianggap terkeluar daripada syariat Islam.<sup>18</sup> Contoh kesesatan yang menjadi rujukan di negara luar adalah golongan penyembah kubur Brelwi di Pakistan yang berpegang kepada akidah *hādir nāzir*.<sup>19</sup> Tokoh-tokoh yang dibawakan dalam kenyataan tersebut berpegang kepada ajaran Brelwi yang tidak berakidahkan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Ketika penularan wabak COVID di seluruh dunia dan negara Malaysia juga tidak terlepas daripada wabak berkenaan, mufti-mufti di Malaysia dengan kerjasama dan nasihat daripada jabatan kesihatan, polis dan beberapa agensi kerajaan yang lain telah

---

<sup>16</sup> Mstar online: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2017/04/25/najib-serah-rm80-juta>.

<sup>17</sup> Muhammad Asri bin Yusuf, Penjelasan Bid'ah -10- Sambutan Maulud Nabi SAW - Maulana Asri, sumber youtube. <https://youtu.be/cDbvSfm7qgw>.

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Ibid., Pegangan Ajaran Barelvi yang Membahayakan Umat Islam, sumber youtube. <https://fb.watch/gZn-ymzzn7/>.

membuat keputusan bahawa masjid dan surau perlu ditutup di seluruh negara sehingga keadaan kembali stabil. Ini merupakan langkah berjaga-jaga para mufti dengan melihat pelbagai sudut bagi mengelakkan kemudaratan terhadap masyarakat. Ekoran daripada itu, sesetengah aliran Deobandi tidak bersetuju dengan penutupan itu. Bahkan ada yang seolah-olah mengharamkan penutupan itu dengan kenyataan “Semua orang perlu bertaubat dan memohon keampunan Allah SWT.”<sup>20</sup>

Ada di antara ulama aliran Deobandi juga mempromosikan bahawa tiada keperluan untuk berpegang kepada satu mazhab kerana dakwaannya masyarakat di Malaysia sebenarnya sudah pun mengamalkan pelbagai mazhab yang bukan daripada mazhab Shāfi’iy seperti membayar zakat fitrah dan juga niat puasa sebulan. Kenyataan tersebut apabila dicerakinkan ingin membuktikan seolah-olah masyarakat Malaysia tidak pun berpecah dengan percampuran mazhab kerana masyarakat telah mengamalkan tiga mazhab dalam ibadah puasa iaitu, niat puasa sehari dari mazhab Shāfi’iy, niat puasa sebulan dari mazhab Maliki dan pembayaran zakat fitrah dalam bentuk wang tunai dari mazhab Hanafi. Pada tanggapan mereka, semua ustaz dan masyarakat dibolehkan merentas semua mazhab.<sup>21</sup> Bahkan sekiranya tiada di dalam mazhab yang empat, masih dibolehkan untuk tidak menggunakan sebarang mazhab sekiranya ditemui di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.<sup>22</sup>

## SOROTAN LITERATUR

Kajian Faisal bin Ahmad Shah menunjukkan selain *al-Haramain* iaitu Mekah dan Madinah, Deoband di India juga merupakan pusat pembelajaran Islam yang masyhur dalam kalangan pelajar-pelajar Malaysia sebagai lapangan pengajian ilmu Islam. Kajian beliau

<sup>20</sup> Responden 9 (R9), (Pendakwah bebas aliran Deobandi, tenaga pengajar, pengasas dan mudir Darul Uloom al-Islamiah Sungai Salan, Jerantut, Pahang) dalam kenyataan bertulis kepada pengkaji melalui aplikasi whatsapp, 18 September 2022.

<sup>21</sup> Fakhurrrazi, Benarkah Campur Madzhab akan Buat Orang Bergaduh, sumber youtube, <https://www.youtube.com/watch?v=wpISxHgGhTg>.

<sup>22</sup> Muhammad Asri bin Yusuf (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul al-Kauthar) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022. Rujuk S8/R6/6:21-7:47.

telah dijalankan bagi menganalisis maklumat dan jumlah pelajar bermula dari tahun 1947 hingga tahun 1990. Kajian ini juga menumpukan kepada tempat asal pelajar berkenaan di Malaysia dan tahun permulaan mereka di India. Oleh itu, dua nama institut di India iaitu Dar al-Ulum Deoband dan Dar al-Ulum Nadwatul Ulama, Lucknow dikaji dengan mengetengahkan apakah faktor utama mereka memilih India sebagai tempat pengajian ilmu Islam. Faisal Ahmad telah mengemukakan tokoh-tokoh tersohor Malaysia daripada lepasan Deoband seperti Nik Abdul Aziz Nik Mat,<sup>23</sup> Ahmad Maher,<sup>24</sup> Asri Yusuf dan ramai lagi. Dapatan kajian ini telah menghasilkan pandangan beliau mengenai kepentingan institut pengajian Islam India yang sangat ketara dalam penghasilan ulama Islam Malaysia yang dilihat berkualiti dalam bidang pengajian Islam.<sup>25</sup>

Menurut kajian Mohd Army Yusop terhadap institut Deobandi,<sup>26</sup> institusi Deobandi adalah institusi yang mampu menghasilkan ulama pakar dalam pelbagai bidang terutama dalam bidang hadith kerana sistem dan silibus yang diterapkan oleh institusi Deobandi

---

<sup>23</sup> Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dilahirkan pada tahun 1931 dalam sebuah keluarga yang sangat berpegang kuat kepada ajaran Islam. Ayahnya merupakan pendokong kuat kepada ajaran Tok Khurasan malah Nik Abdul Aziz pernah berguru dengan Tok Khurasan di Kampung Sirih. Beliau pergi ke India pada tahun 1952. Ketika di India beliau telah berguru dengan Sheikh al-Hadith dan guru tarekat yang terkemuka di India iaitu Mohamad Ahmad al-Madani. Mohamad seorang pejuang kemerdekaan India yang pertama dan pernah dipenjarakan semasa penjajahan Inggeris. Pada tahun 1957, Nik Abdul Aziz menyambung pelajaran ke Pakistan dalam bidang tafsir. Pada tahun 1958 beliau menyambung pelajaran di Kuliyyah Lughah di al-Azhar, Mesir.

<sup>24</sup> Ismail Che Daud (1996), *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, Ahmad Maher, *Ulama terkenal Kelantan*, Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, j.2, h. 150.

<sup>25</sup> Faisal bin Ahmad Shah, *Pelajar-pelajar Malaysia di Institusi-institusi Pengajian Islam di India: Analisis Bermula Tahun 1947 Sehingga 1990*, Tesis Ph.D, pensyarah kanan di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, *Jurnal al-Tamaddun*, Bil. 4 (2009) 157-176.

<sup>26</sup> Kajian terhadap Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling, Kuala Lumpur.



memerlukan tempoh pengajian yang panjang. Ini membolehkan pelajar dari institusi ini menguasai pelbagai bidang pengajian Islam terutama bidang pengajian hadith. Mereka akan melalui proses pembelajaran hadith dengan kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Muslim*, *Tirmīdhī*, *Abū Dāwūd*, *al-Nasā'ī* dan *Ibn Mājah* dari kulit ke kulit berserta rantaian sanad hadith yang sampai kepada Rasulullah SAW. Selain itu, Mohd Army Yusop menjelaskan, walaupun institusi Deobandi dilihat lebih rendah dan tidak setanding dengan institusi pengajian tinggi Malaysia yang menyediakan pengajian Islam khususnya bidang hadith tetapi silibus dan pengajian yang disediakan oleh institusi Deobandi sebenarnya merupakan pengajian Islam dan hadith yang lebih hebat dan tinggi tarafnya berbanding Institut Pengajian Tinggi.<sup>27</sup>

## KAJIAN KUALITATIF

### TEMU BUAL

Oleh kerana kekurangan teori dan data empirikal berkaitan metodologi hukum Islam menurut aliran Deobandi di Malaysia, ia amat sukar menggunakan pendekatan kuantitatif. Malah, kajian ini juga menekankan data kajian dalam bentuk perkataan bukannya nombor dari set soal selidik.<sup>28</sup> Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan data terus daripada ulama aliran Deobandi yang terpilih. Ini adalah bagi memastikan kualiti kajian ini terjamin dengan perincian yang lebih menyeluruh dan mendalam. Responden yang akan ditemu bual juga dapat berkongsi ilmu, kepakaran dan pelbagai pengalaman yang mereka tempuhi. Responden akan ditemu bual dengan soalan separa struktur dan akan dikemukakan dengan soalan tanpa dirancang sekiranya perlu berbuat demikian mengikut keadaan semasa. Walaupun begitu, soalan berkaitan akan disediakan terlebih dahulu bagi mengelakkan matlamat kajian tersasar.

---

<sup>27</sup> Mohd Army Yusop, Disertasi Sarjana Usuluddin, *Pengajian Hadith di Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, h. 244.

<sup>28</sup> Bryman (2008).

## **ANALISIS DATA**

### **INDUKTIF**


Pengkaji akan menggunakan kaedah analisis induktif Miles, Huberman dan Saldana (2014). Penggunaan kaedah analisis ini berikutan beberapa sebab iaitu:

- a) Penggunaan kaedah analisis ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan bentuk kajian kualitatif. Ia membolehkan pengkaji menggambarkan dan menjelaskan data yang telah dikumpul dengan lebih padat dan terperinci.
- b) Walaupun ianya dilihat agak sederhana, namun teknik ini mampu menganalisis data dengan lebih tepat kerana proses penganalisan data-data ini dilakukan seawal permulaan pengumpulan data di lokasi temu bual sehingga pengumpulan data berakhir. Proses analisis data-data tersebut juga dilakukan selepas itu.
- c) Ia bagi memastikan analisis yang lebih logik dan sistematik. Keadaan ini akan memudahkan pengkaji ketika menganalisis untuk mencari pola dan tema daripada pelbagai sumber data yang diperoleh kerana ianya masih belum tersusun, rumit, masih berselerakan dan kompleks.

### **INTERAKTIF**

Menurut Miles, Huberman dan Saldana (2014), data-data yang diperoleh dapat dianalisis dengan menggunakan Model Analisis Interaktif melalui tiga strategi iaitu pengecilan data atau *data reduction*, persembahan data atau *display data* dan juga verifikasi data atau *data verification*. Penghasilan kesimpulan seperti rajah berikut:

Rajah 1: Model Analisis Interaktif dalam Analisis Data Kajian Kualitatif



Sumber: Adaptasi oleh Miles, Huberman dan Saldana (2014)

Rajah 1 di atas menunjukkan kaedah analisis interaktif yang akan dilakukan dengan memulakan langkah pertama iaitu proses pengecilan data bagi mewujudkan variasi kategori atau pola berkaitan dengan persepsi aliran Deobandi Malaysia terhadap metodologi hukum Islam. Pada tahap ini pengkaji akan menyingkirkan data yang tidak diperlukan, tiada kaitan dengan kajian dan juga data-data yang tidak penting. Proses ini melibatkan pemilihan, memberi tumpuan, memudahkan atau menyederhanakan, mengabstrak dan merubah atau *transforming* data mentah rakaman audio dan bertulis ketika pengutipan data.

Kemudian, pengkaji akan meneruskan langkah kedua dengan mempersembahkan data ke dalam bentuk susunan kategori atau pola secara spesifik mengikut atribut setiap kategori atau pola tersebut. Pengkaji akan memperlihatkan kategori yang disusun supaya lebih terperinci, realistik, logik dan mudah difahami. Bentuk persembahan ini adalah berbentuk tulisan naratif dengan bilangan ayat yang lebih sedikit berbanding dengan data-data yang dikumpulkan melalui catatan kajian lapangan supaya menjadi lebih sederhana dan ringkas serta mudah difahami (Miles, Huberman & Saldana, 2014).

Akhir sekali, pengkaji akan membuat penghasilan kesimpulan dengan cara menjelaskan dan melaksanakan pengujian bagi mendapatkan verifikasi data. Ia bertujuan untuk membuat

pengulangan dan mempelajari semula semua susunan analisis dari awal melalui cara melihat semula langkah-langkah analisis sebelum ini sehingga terbentuk naratif. Menurut Creswell (2013), walaupun penghasilan kesimpulan tidak terbentuk di dalam *general conclusion*, namun pada dasarnya dapatan kajian yang diperoleh melalui kajian kualitatif menyajikan teori yang boleh dipindahkan kepada keadaan sosial dengan tempat yang lain, sehinggakan ianya berkemungkinan besar boleh didapati dalam pola yang sama atau berbeza.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis dan perbincangan akan dihuraikan mengikut lima tema. Tema pertama adalah Pendedahan dan Pendekatan kepada Metodologi hukum, kedua Kesedaran dan Kefahaman Metodologi Hukum, ketiga Kepentingan Metodologi Hukum, keempat Kesan Metodologi Hukum dan kelima Perpaduan dari Keselarasan Metodologi Hukum. Seramai sembilan responden yang beraliran Deobandi terlibat di dalam kajian ini yang akan diberikan nama samaran R1 yang bermaksud Responden 1 dan seterusnya R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8 dan R9.

## PENDEKATAN DAN PENDEDAHAN KEPADA METODOLOGI HUKUM

Jadual 4.2: Pendekatan dan Pendedahan yang Dilatih untuk Membina Hukum Semasa Pengajian. Adakah dari kaedah Hanafi, Maliki, Shāfi'iy atau Hanbali?

Responden	Pendekatan dan Pendedahan Metodologi Hukum
R1	Hanafi
R2	Hanafi
R3	Hanafi
R4	Hanafi
R5	Hanafi
R6	Hanafi
R7	Shāfi'i

R8	Hanafi
R9	Hanafi

Sumber: Temu bual bersama Responden

*“Jadi dari segi yang pengajian aliran Deobandi, bila katakan Deobandi mana-mana pun dia asasnya Hanafi, asas Hanafi kalau dari segi hukum lah asasnya Hanafi mana-mana pun sama lah tetapi apabila kita belajar peringkat Daurah al-Hadīth, dia sebelum dari itu lagi sebenarnya dia panggil mauquf, sebelum dari itu dia dah terbuka terutama kalau Daurah al-Hadīth ni dia macam belajar empat mazhab.”<sup>29</sup>*

Petikan di atas menjelaskan pengajian aliran Deobandi pada asasnya adalah Hanafi. Walau bagaimanapun, R1, R3, R4, R6 dan R7 mengatakan apabila sampai kepada tahap pengajian *Daurah al-Hadīth*, mereka akan didedahkan kepada syarah hadith mazhab-mazhab yang empat. Ini bagi tujuan membuat keseimbangan dan keterbukaan kepada mazhab lain terutamanya mazhab Shāfi’iy kerana menurut R7, mazhab Hanafi dan Shāfi’iy adalah mazhab yang paling banyak percanggahan. Oleh itu, mereka akan didedahkan dengan perbincangan Hanafi dan Shāfi’iy dari setiap masalah yang akan dibahaskan.

Manakala menurut R5, walaupun pendekatan metodologi hukum ketika pengajian adalah daripada kitab *Hidayah* pada tahun keenam dan ketujuh yang lebih menekankan perselisihan antara Hanafi dan Shāfi’iy, tenaga pengajar di sana tidak akan mentarjihkan kepada mazhab Shāfi’iy bahkan mereka akan mentarjihkan kitab *Hidayah* tersebut daripada sudut pandangan Hanafi membuatkan beliau masih terpaksa membuat pengajian lanjutan secara *bertalaqqi* di pondok Qosam, Thailand selepas tamat *Daurah al-Hadīth* di Pakistan. Kenyataannya:

*“Dia belajar sana lebih kurang kitab mereka ni kitab*

<sup>29</sup> Responden 6 (R6), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul al-Kauthar) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022. Rujuk S3/R6/2:33-4:13.

*Hidayah, kitab hidayah di sudut khilafiah dia lebih kepada perselisihan di antara Syafie dan Hanafi. Walaupun disebut juga mazhab-mazhab lain, tetapi kitab Hidayah lebih menekankan perselisihan di antara Syafie dan Hanafi. Seperti mana kajian dia di sana, kitab Hidayah ni dia 4 jilid, dipelajari pada 2 tahun, boleh katakan 2 tahun kerana tahun 6 dan tahun 7. Jadi ustaz-ustaz yang mentarjihkan kitab Hidayah ni memang Hanafi. Dia tidak akan tarjih mazhab Syafie. Cuma kita untuk Syafie kita terpaksa bertalaqqi secara berasingan di pondok Thailand, pondok Qosam dengan Sheikh saya, sheikh Haji Zakariya bin Muhammad...’’<sup>30</sup>*

Kenyataan R5 di atas jelas menunjukkan pengajian metodologi hukum, syarahan hadith dan pendedahan kepada semua mazhab empat terutama Shāfi’iy ketika pengajian *Daurah al-Hadīth* aliran Deobandi masih tidak mencukupi untuk memahami dan menguasai lantas mengimbangi perbezaan antara mazhab Hanafi dan Shāfi’iy.

Jadual 4.3: Apakah kaedah maulana di Malaysia, sama seperti ketika pengajian atau mengikut kaedah metodologi hukum mazhab Shāfi’iy?

Responden	Penggunaan Metodologi Hukum di Malaysia
R1	Shāfi’i
R2	Shāfi’i
R3	Shāfi’i
R4	Shāfi’i
R5	Shāfi’i
R6	Shāfi’i
R7	Shāfi’i

<sup>30</sup> Responden 5 (R5), ( Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir pengasas Darul Ulum Laklok) dalam temubual dengan pengkaji, 15 September 2022. Rujuk S3/R5/2:46-4:56

R8	Shāfi'i
R9	Shāfi'i

Sumber: Temu bual bersama Responden

Berdasarkan jadual 4.3, semua responden R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8 dan R9 membuat kenyataan menggunakan metodologi hukum mazhab Shāfi'iy di Malaysia, manakala Jadual 4.2 menunjukkan majoriti responden diberi pendekatan kepada metodologi hukum mazhab Hanafi dan didedahkan kepada metodologi mazhab-mazhab yang lain di peringkat akhir pengajian Deobandi. Oleh yang demikian, kerana kenyataan majoriti responden pada Jadual 4.2 menjelaskan pendekatan metodologi hukum selain Hanafi masih belum mencukupi ketika pengajian, ini bermakna pada dasarnya kesemua responden telah melanjutkan pengajian dalam metodologi hukum Shāfi'iy selepas tamat pengajian secara berasingan dengan guru-guru pondok tempatan, lain-lain negara seperti Yaman, Thailand atau secara bersendirian.

Kenyataan R2;

*Personally walaupun masa belajar dahulu saya belajar dengan guru-guru Hanafi, tapi saya sendiri ambil inisiatif untuk buka kitab Shāfi'iy sendiri lah, so basically if you ask me..I learnt Shāfi'iy detail lah not from any teacher. Belajar sendiri so maknanya buka kitab al-Luma' Imam Abu Ishaq al-Shirazi sendiri, kemudian bila nak cari dalil buka Baihaqi sendiri, buka Majmū' sendiri so dalam fiqah Shāfi'iy explore sendiri. Makna tanpa ada guru lah, tanpa ada guru. Bila balik Malaysia pun bila kita nak mengajar so [saya] pilih kitab Shāfi'iy dan kebanyakannya adalah daripada kajian sendiri...<sup>31</sup>*

<sup>31</sup> Responden 2 (R2), (Penasihat bank Standard Chartered, pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi di Darul Ulum Az Zahra dan Pengerusi Pusat Tahfiz Az Zahrah Lil Banat) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S4/R5/2:46-4:56.

Menurut R2 di dalam petikan di atas, penguasaan metodologi hukum mazhab Shāfi'iy dilakukan sendiri selepas tamat pengajian bahkan ia bermula sejak dari pengajian aliran Deobandi di Afrika Selatan. Ini kerana kesedaran beliau bahawa penggunaan metodologi hukum Shāfi'iy sangat penting ketika pulang ke tanah air nanti. Dari sana, beliau membuat semakan dan kajian melalui kitab-kitab seperti *al-Luma'* karangan Abu Ishaq al-Shirazi, kemudian merujuk kitab *Baihaqi* dan juga *Majmū'* karangan al-Nawawi. Beliau juga akan membuat rujukan kepada ahli-ahli sarjana tempatan seperti Dr Mohd Hapiz Mahaiyadin<sup>32</sup> dan juga Dr. Irwan Subri.<sup>33</sup>

Kenyataan R3;

*...Cuma dalam mazhab Shāfi'iy pun jadi kita banyak terapkan hadith lah. Maknanya kita mengajar tu banyak terapkan hadith. Jadi pemahaman kepada orang awam, kira-kira orang awam ni bukan mazhab Shāfi'iy pun, jadi kira kita pergi kepada pemahaman hadith. Faham hadith dari segi lafzi hadith, makna hadith dan pembahasan dari segi pembahasan mazhab lah. Cuma dalam mengajar biasa tidak sebut nama..biasa tak sebut nama. Tidak sentuh lah ulama nama ini..nama ini, kira pakai umum macam tu lah sebab sesuai dengan [awam].. sebab kira ijtihadnya untuk orang awam kita hurai.. bermakna ada dalam syarah tu lah, tapi bila semak balik dengan pengalaman pula, mazhab ni pendapat lah, pendapat ni biasa dua sahaja. Pendapat ni bukan empat pendapat, dia dua sahaja pendapat. Jadi kita pegang apabila dua pendapat, pendapat yang paling dekat. Paling dekat dengan hadith dan Quran. Jadi yang itu untuk pemahaman secara zahir. Macam ni lah dari segi orang awam kita kira dia tu faham seperti mana hadith nabi tu [makna lafzi],*

---

<sup>32</sup> Mohd Hapiz Mahaiyadin, Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM).

<sup>33</sup> Irwan Mohd Subri (Professor, Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia).



*macam tu je lah bukan detail fiqah, tapi bila kita mengajar nak kepada detail seperti fiqah, akan.. akan suruh dia belajar fiqah..fiqah mazhab Shāfi'iy, kita nak bezakan belajar hadith adalah cara hadith. Kita belajar hadith bukan belajar fiqah. Jadi kita belajar hadith, belajar hadith lah, jadi luas lah kalau pengajian hadith tu luas lah...<sup>34</sup>*

Apa yang dapat dirungkaikan pada petikan R3 di atas, metodologi hukum beliau yang dibawa kepada masyarakat cenderung kepada *lafzī* hadith kerana menurut R3, masyarakat Malaysia sebenarnya bukan bermazhab Shāfi'iy sepenuhnya. Oleh itu, pendedahan terus kepada hadith dalam masyarakat dilihat lebih jauh dalam keluasan ilmu Islam. Di akhir petikan, R3 menjelaskan orang awam perlu kepada pemahaman hadith tetapi sekiranya berkeinginan kepada fiqah, maka perlulah mereka belajar fiqah. Ini bermakna seolah-olah pada pandangan R3, fiqah di dalam hadith dan fiqah di dalam mazhab adalah ilmu yang berbeza dan perlu diasingkan dalam pengajian. Apabila dicerakinkan, hadith adalah sumber mentah kepada fiqah itu sendiri, untuk menggali hadith kepada pembentukan fiqah memerlukan metodologi hukum sebagai alat. Dalam erti kata lain, hadith memerlukan fiqah dan fiqah juga memerlukan hadith. Mereka saling berkaitan di antara satu sama lain dan tidak boleh dipisahkan.

## KESEDARAN DAN KEFAHAMAN METODOLOGI HUKUM

Jadual 4.4: Al-Quran dan sunnah sudah memadai untuk membina hukum, apa komen maulana?

Responden	Al-Quran dan Sunnah Sudah Memadai Membina Hukum
R1	Tidak
R2	Tidak

<sup>34</sup> Responden 3 (R3), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir institut Madrasah Ahsanul Ulum Tok Bali) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S4/R3/6:29-7:30.

R3	Tidak
R4	Tidak
R5	Tidak
R6	Tidak
R7	Cukup
R8	Tidak
R9	Tidak

---

Sumber: Temu bual bersama Responden

*“Al-Quran dan sunnah adalah sumber asas. Tapi bila kita belajar dari segi istinbāt dan ijtihad, maka ia tidak sekadar itu sahaja. Kita bukannya belajar nas sahah semata-mata. Jadi, dia ada pecahan hukum, dia akan ada perbincangan masalah contohnya, apakah hukum untuk benda yang nabi tidak buat. Kita ada macam..Ye, cabang hukum ni terlalu banyak, jadi mengatakan hanya al-Quran dan sunnah sudah mencukupi even untuk layman adalah satu dakwaan yang agak tersasar.”*<sup>35</sup>

Petikan R2 di atas menunjukkan bahawa ilmu Islam tidak cukup dengan hanya rujukan kepada al-Quran dan hadith untuk tujuan pembentukan hukum. Ini kerana menggunakan nas tanpa cabang ilmu yang lain dan menganggapnya sudah mencukupi adalah dakwaan yang tersasar. Manakala menurut R3, R5 dan R8, penggunaan *ijmā'* dan *qiyās* dalam pembinaan hukum adalah sangat penting. Ini kerana sesetengah masalah yang tidak ditemui di dalam al-Quran dan sunnah sudah pasti memerlukan *qiyās* untuk diselesaikan. Tetapi pandangan R5 pula bukan hanya sekadar itu kerana setiap mazhab mempunyai metodologi hukum masing-masing yang mungkin berbeza antara satu sama lain. Ia berikutan R5 menjelaskan bahawa kesesuaian metodologi hukum sangat penting untuk diselaraskan di sesuatu tempat. Kenyataan R5;

---

<sup>35</sup> Responden 2 (R2), (Penasihat bank Standard Chartered, pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi di Darul Ulum Az Zahra dan Pengerusi Pusat Tahfiz Az Zahrah Lil Banat) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S5/R2/5:45-6:29.

“...Apa yang ada dalam *uṣūl al-fiqh* di situ *ijmā’* ada, *qiyās* ada dan sebagainya, jadi penetapan hukum tidak dapat tidak, mengikut *uṣūl al-fiqh* yang telah disempurnakan atau telah diasaskan untuk mazhab masing-masing lah kalau [di] Malaysia kita tengok kalau *uṣūl al-fiqh* mazhab Imam *Shāfi’i*, jadi peraturan itu kita kena ikut.”<sup>36</sup>

Jadual 4.5: Jikalau ya atau tidak, bagaimana dua sumber tersebut ditarik untuk membina dan membentuk sesuatu hukum, adakah melalui kaedah-kaedah tertentu?

Responden	Kaedah Membina Hukum dari al-Quran & Hadith
R1	<i>Uṣūl al-fiqh, qawā'id al-fiqhiyyah, maqāṣid al-syāri'ah</i>
R2	<i>Uṣūl al-fiqh</i>
R3	<i>Uṣūl al-fiqh</i>
R4	<i>Uṣūl al-fiqh</i>
R5	<i>Uṣūl al-fiqh</i>
R6	<i>Uṣūl al-fiqh</i>
R7	<i>Uṣūl al-fiqh</i>
R8	<i>Uṣūl al-fiqh</i>
R9	Ada

Sumber: Temu bual bersama Responden

Berdasarkan Jadual 4.5, semua responden bersetuju bahawa untuk membina sesuatu hukum memerlukan metodologi hukum sebagai alat. Tetapi R1, R3, R4, R5, R6, R7 dan R8 hanya menggunakan metodologi hukum *uṣūl al-fiqh* sebaliknya R2 membina hukum menggunakan *uṣūl al-fiqh, qawā'id al-fiqhiyyah* dan *maqāṣid al-syāri'ah*. Manakala jawapan R9 sebagai ‘ada’ membawa maksud kepada *uṣūl al-fiqh* dan *qawā'id al-*

<sup>36</sup> Responden 5 (R5), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul Ulum Laklok) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022. Rujuk S5/R5/5:53-6:46.

*fiqhiyyah* kerana pada soalan Jadual 4.7, R9 membuat kenyataan menggunakan dua metodologi hukum tersebut.

Apa yang dapat dirungkaikan melalui Jadual 4.5, *maqāsid al-syāri'ah* terus lenyap daripada majoriti responden. Kebanyakan daripada mereka hanya 'berdiri' di atas ilmu *uṣūl al-fiqh* yang pasti akan menghasilkan natijah yang jumud dan sudut pandang yang tidak menyeluruh. Ini kerana pada pandangan R2, ketiga-tiga metodologi hukum ini sangat berkait rapat dan perlu berjalan seiringan. Ia sangat penting untuk dijadikan satu kaedah yang menjadi tunjang kepada hasil yang baik, katanya;

*Itu datangnya uṣūl al-fiqh, qawā'id al-fiqh dan maqāsid al-syāri'ah, benda okey..dia pure ingredient, raw ingredient, kita katakan al-Quran dan sunnah raw ingredient. Jadi bila raw, maka dia masih terbuka kepada interpretation. Jadi untuk interpretation tu maka datanglah segala ilmu-ilmu yang ada ni, alat atau even pecahan-pecahan ni fiqah, furu' dan sebagainya. Semua ni diperlukan untuk nak memahami apakah yang dimaksudkan oleh al-Quran dan sunnah. Betul al-Quran dan sunnah itu asas, tapi kalau orang tak faham, tak guna juga.<sup>37</sup>*

Pada petikan R2 di atas, beliau sedar akan kepentingan metodologi hukum yang lengkap dan memahami cabang ilmu tersebut. Ini bermakna kenyataan R2 menunjukkan bahawa aliran Deobandi yang tidak terdedah kepada metodologi hukum lengkap dan sesuai ketika pengajian juga mampu untuk mendalami cabang ilmu tersebut.

---

<sup>37</sup> Responden 2 (R2), (Penasihat bank Standard Chartered, pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi di Darul Ulum Az Zahra dan Pengerusi Pusat Tahfiz Az Zahrah Lil Banat) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S6/R2/6:38-7:33.

Jadual 4.7: Sekiranya tidak dijumpai di dalam al-Quran, sunnah, kitab turāth atau kitab muktabar yang lain, apakah cara atau kaedah yang maulana gunakan untuk membina hukum?

Responden	Kaedah Membina Hukum Sekiranya Tiada Dalil Al-Quran, Sunnah, Kitab Turāth dan Muktabar
R1	<i>Uṣūl al-fiqh, qawā'id al-fiqhiyyah</i>
R2	<i>Uṣūl al-fiqh, qawā'id al-fiqhiyyah, maqāṣid al-syāri'ah</i>
R3	Fatwa sedia ada
R4	<i>Uṣūl al-fiqh</i>
R5	Fatwa sedia ada
R6	<i>Uṣūl al-fiqh</i> , lihat mazhab lain
R7	Muzakarah rakan ulama
R8	Kembali ijtihad ulama, qiyās dari ijtihad ulama
R9	<i>Uṣūl al-fiqh, qawā'id al-fiqhiyyah</i>

Sumber: Temu bual bersama Responden

Berdasarkan Jadual 4.7, R1 dan R9 dilihat mempunyai persamaan menggunakan *uṣūl al-fiqh* dan *qawā'id al-fiqhiyyah*, manakala R3 dan R5 pula akan merujuk kepada fatwa sedia ada. Apa yang dimaksudkan fatwa sedia ada adalah rujukan kepada kitab-kitab *muktabar* dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh jabatan fatwa dalam dan juga luar negara. R4 masih kekal dengan penggunaan *uṣūl al-fiqh* seperti dalam Jadual 4.5. R6 pula akan menggunakan *uṣūl al-fiqh* dan merujuk kepada mazhab lain. Manakala R7 akan bermuzakarah bersama rakan-rakan ulama dan R8 dilihat kembali kepada ijtihad ulama lantas membuat *qiyās* daripada ijtihad tersebut (sekiranya boleh dilakukan). R2 menggunakan *uṣūl al-fiqh*, *qawā'id al-fiqhiyyah* dan *maqāṣid al-syāri'ah*, kenyataannya;

“Comparison mula-mula sekali kita ambil benda

*yang al-Quran dan sunnah, kita cuba cari dia punya ayat yang generic..yang general, so bila kita ada ayat yang general..kalau ada, maka kita tengok boleh [atau] tak boleh ayat itu ataupun hadith tu apply kepada situasi yang tak ada hujah spesifik tu, [kalau] tidak jumpa tu kemudian cuba tafsirkan tengok kalau-kalau ada qawā'id al-fiqh yang boleh apply kemudian kita tengok in the end, this is my style lah, hukum tu make sense ke tak make sense pasal ini fiqah, fiqah always make sense..fiqah always make sense. Kalau benda tu tidak make sense for me it's not fiqh. So maknanya last sekali ada dia punya maqāsid, dia mesti [itu] ending dia [dengan maqāsid al-syāri'ah]..dia mula dengan usul, dibantu oleh qawā'id dan always mesti ending dengan maqāsid. Always mesti, dia tidak akan lari.”<sup>38</sup>*

Kenyataan daripada petikan di atas menunjukkan R2 menggunakan metodologi hukum yang lengkap. Pembinaan hukum yang tiada dalil al-Quran, sunnah dan tidak dijumpai di dalam kitab-kitab *turāth* yang *muktabar* akan dimulakan dengan metodologi hukum *uṣūl al-fiqh*, dibantu oleh *qawā'id al-fiqhiyyah* dan kemudian sentiasa melihat dari pandangan sudut *maqāsid al-syāri'ah*. Kata R2 dalam soalan Jadual 4.14,<sup>39</sup> penggunaan *maqāsid al-syāri'ah* di sini bertujuan melihat satu masalah tersebut dengan sudut pandang yang lebih luas seperti diibaratkan dengan *'helicopter view'*. Walaupun *maqāsid al-syāri'ah* adalah salah satu cabang daripada ilmu *uṣūl al-fiqh*, sekiranya ia tidak didalami dan dikuasai, maka pengaplikasian *uṣūl al-fiqh* akan membawa kepada kejumudan dan kemandulan ilmu tersebut.<sup>40</sup> Perkara ini

<sup>38</sup> Responden 2 (R2), (Penasihat bank Standard Chartered, pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi di Darul Ulum Az Zahra dan Pengerusi Pusat Tahfiz Az Zahrah Lil Banat) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S8/R2/7:52-9:10.

<sup>39</sup> Ibid., Rujuk S20/R2/42:57-50:51.

<sup>40</sup> Portal Rasmi, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Irsyad Uṣūl al-fiqh Siri ke-17: Pengenalan Tajdid Usul Fiqh. [muftiwp.gov.my](https://muftiwp.gov.my) <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/877-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-17-pengenalan-tajdid-usul-fiqh>.

jelas terjadi apabila R9 membuat kenyataan bahawa semua orang perlu bertaubat kerana penutupan masjid dan penjarakan saf ketika PKP<sup>41</sup> pada soalan Jadual 4.14. Walaupun pandangan tersebut adalah daripada pendapat peribadi R9 sendiri, namun natijah yang terhasil adalah bergantung kepada pembawakan metodologi hukum yang beliau sandarkan.

Kenyataan R3;

*“Kalau fatwa tu fatwa moden, fatwa melibatkan benda moden lah, makna moden..makna tiada zaman dahulu lah, yang tiada zaman dahulu memang kita cek online lah. Kita kena cek online contohnya kita akan cek fatwa-fatwa daripada contohnya yang Arab Saudi, contohnya yang Azhar dan Deobandi sendiri fatwa-fatwa yang mana berkaitan lah, berkaitan dengan soalan tu lah.”*<sup>42</sup>

R3 dan R5 pula terus merujuk kepada fatwa sedia ada. Persoalannya adakah mereka bersetuju dengan fatwa-fatwa yang dirujuk? Ini kerana percanggahan telah berlaku pada soalan Jadual 4.14, R3 tidak bersetuju dengan penutupan masjid dan penjarakan saf ketika PKP,<sup>43</sup> manakala pada soalan Jadual 4.13 dan soalan susulan Jadual 4.14, R5 menyatakan perayaan *maulid ar-rasul* dan tahlil adalah perkara-perkara yang terkeluar daripada syariat Islam.<sup>44</sup> Perkara ini sudah tentu bercanggah dengan majoriti jabatan-jabatan fatwa di Malaysia yang mengharuskan *maulid ar-*

---

<sup>41</sup> Perintah Kawalan Pergerakan.

<sup>42</sup> Responden 3 (R3), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir institut Madrasah Ahsanul Ulum Tok Bali) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S8/R3/20:35-23:14.

<sup>43</sup> Ibid., S20/R3/1:06:01-1:11:25.

<sup>44</sup> Responden 5 (R5), (Pendakwah bebas aliran Deobandi, tenaga pengajar, pengasas dan mudir Darul Ulum Laklok) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022. Rujuk S17/R5/12:19-14:12 dan S20/R5/20:59-24:55.

*rasūl*<sup>45</sup> dan *tahlil*<sup>46</sup> kecuali Perlis.<sup>47</sup> Apa yang dapat ditafsirkan di sini adalah, perkara-perkara permasalahan di dalam negara seperti *maulid ar-rasul* dan *tahlil* tidak dirujuk kepada fatwa di dalam negara sebaliknya rujukan dibuat kepada fatwa sedia ada dari negara lain seperti Arab Saudi, Pakistan, India dan lain-lain yang cenderung dan berpihak kepada pemikiran responden seperti yang di jelaskan dalam petikan R3 di atas.

Kenyataan R6;

*“Boleh dikatakan kalau setakat ni lah, berkenaan dengan hidup, ada.. cumanya kita jangan terikat dengan satu mazhab lah. Baru boleh menyesuaikan diri dengan keadaan tu. Dia kena macam tu, kadang-kadang keluar daripada empat mazhab terpaksa keluar, baru sesuai. Contohnya misalnya orang perempuan datang haid boleh mengaji [Quran], ana pakai yang tu. Padahal yang tu kalau nak kira di empat mazhab, tidak [ada]. Walaupun ada dalam mazhab Malik kan, dalam mazhab Malik memang ada lah satu pendapat. Tetapi secara umumnya tidak, itu mazhab Imam Bukhari..Imam Bukhari, jadi kita pakai yang itu sesuai yang tu, begitulah keadaan. Nak kata tiada dalam hadith, dia [mazhab empat] pun rujuk hadith juga, rujuk Quran juga kecuali kalau masalah yang memang tiada hadith tiada Quran sungguh [betul] seperti orang-orang lain lah. Kita pun pakai kaedah itu juga, misalnya*

---

<sup>45</sup> Portal Rasmi, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Bayan Linnas Siri ke-80: Hukum Menyambut Maulid Al-Rasul. <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/1048-bayan-linnas-siri-ke-80-hukum-menyambut-maulid-al-rasul>.

<sup>46</sup> Ibid., al-Kafi #1288: Hukum Memberi Sumbangan untuk Majlis Tahlil Arwah. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3477-al-kafi-1288-hukum-memberi-sumbangan-untuk-majlis-tahlil-arwah>.

<sup>47</sup> Portal Rasmi, Pejabat Mufti Perlis, Fatwa Negeri Perlis tentang Isu-isu Hukum yang Menjadi Khilaf di Kalangan Masyarakat negeri Perlis. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/90-fatwa-negeri-perlis-tentang-isu-isu-hukum-yang-menjadi-khilaf-di-kalangan-masyarakat-negeri-perlis>.



*dadah misalnya, seperti orang lain juga, orang lain pakai macamana, aa begitu lah.”*<sup>48</sup>

Apabila diperhatikan petikan R6 di atas, pandangan beliau mempunyai persamaan dengan R3 dalam Jadual 4.3, iaitu hadith mempunyai fiqah hadith dan berasingan dengan fiqah mazhab. Menurut beliau, terikat dengan satu mazhab adalah tidak sepatutnya berlaku kerana sudah pasti keterikatan itu akan terbelenggu dengan kesempitan hukum. Walau bagaimanapun, segala permasalahan akan dapat diselesaikan dengan mengikut mazhab fiqah hadith. Daripada pengakuannya sendiri, beliau adalah ulama aliran Deobandi yang berpegang kepada mazhab Bukhari dan mengharuskan wanita haid memegang dan membaca al-Quran. Menurut beliau lagi, walaupun ianya adalah satu pendapat yang dijumpai di dalam mazhab Maliki, ia tetap dikira tiada di dalam mana-mana mazhab yang empat kerana pendapat tersebut adalah terpencil. Maka dengan keluasan hadith, beliau mengharuskannya dan berpegang kepada mazhab Imam Bukhari.

R7 pula dilihat menyelesaikan masalah yang tiada di dalam al-Quran, sunnah dan kitab *turāth* yang *muktabar* dengan mengadakan muzakarah dengan teman-teman seperjuangan, manakala R8 akan melihat kepada ijtihad ulama lain yang sedia ada dan membuat *qiyās* daripada ijtihad tersebut.

Kenyataan R8;

*“Kita tak pernah buat lah, cuma kalau orang tanya tu kita kaji juga lah sampai jumpa. Kalau masalah itu Quran pun tak jelas, hadith pun tak jelas maknanya kembali kepada ijtihad ulama lah, jadi ijtihad ulama tu kita kena cari juga sampai jumpa sebab apa ni.. kadang-kadang kitab fiqah ni dia tulis kita boleh renung lagi dengan gaya bahasa, kita boleh kaji lagi, kita boleh buat keluar juga [pandangan].”*

*“Maknanya buat ijtihad dari situ?”*

---

<sup>48</sup> Responden 6 (R6), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul al-Kauthar) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022. Rujuk S8/R6/6:21-7:47.

“Ye, ye. Kitab fiqah kita sendiri lah.”<sup>49</sup>

Pada petikan di atas R8 menyatakan tidak pernah melakukan pembinaan hukum yang tiada di dalam al-Quran, hadith dan kitab *turāth* yang *muktabar*. Apa yang beliau lakukan adalah merujuk kepada ijtihad ulama, kemudian beliau akan membuat ijtihad dari ijtihad ulama tersebut. Dari kenyataan tersebut apabila diamati, teretusnya dua persoalan. Persoalan pertama, bagaimakah R8 membuat kajian dan berijtihad tanpa menggunakan metodologi hukum yang sesuai? Kedua, adakah R8 membuat ijtihad daripada ijtihad ulama, kerana ijtihad adalah *qiyās* dan rukun *qiyās* adalah *asal*, *hukum al-asal*, *far’u* dan *‘illah*.<sup>50</sup> Ini bermakna *qiyās* itu sendiri tidak boleh diqiyāskan seperti contoh, pengharaman dadah telah diqiyāskan dari hukum pengharaman arak kerana mempunyai *illah* yang sama iaitu mabuk. Manakala dadah itu sendiri tidak boleh dijadikan *qiyās* kepada pembentukan hukum yang lain walaupun mempunyai *illah* yang serupa. Ia berkemungkinan besar R8 bukan membuat ijtihad baharu (*ibda’i insha’i*) sebaliknya melakukan ijtihad tarjih (*tarjihi intiqa’i*) yakni ijtihad yang mentarjihkan pandangan sedia ada yang telah dibahaskan oleh fuqaha dahulu dan dapat dicakup dalam isu-isu baharu yang timbul kerana mempunyai persamaan.<sup>51</sup>

Jadual 4.8: Apakah respons dan penerimaan masyarakat yang telah maulana lalui setelah menggunakan kaedah tersebut?

Responden	Respons dan Penerimaan Masyarakat
R1	Baik
R2	Baik
R3	Baik
R4	Baik

<sup>49</sup> Responden 8 (R8), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul Ulum Tok Dor, Terengganu) dalam temu bual dengan pengkaji, 16 September 2022. Rujuk S8/R8/4:54-5:56.

<sup>50</sup> Muhammad Hasan Hitu, *al-Wajiz fi Usul al-Tashri’ al-Islami* (Beirut, Lebanon, Resalah Publisher, 2009), h. 383.

<sup>51</sup> Saadan Man, *Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya*, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 10.

R5	Baik
R6	Baik
R7	Baik
R8	Baik
R9	Baik

---

Sumber: Temu bual bersama Responden

Jadual 4.8 menunjukkan semua responden R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8 dan R9 memberi kenyataan bahawa penerimaan masyarakat terhadap mereka adalah baik. Ini adalah satu prestasi yang baik jika dilihat dari satu sudut. Kenyataan ‘baik’ di sini dimaksudkan dengan pelbagai sudut. Ini kerana kesemua sembilan responden membawa cara dan kaedah yang berbeza-beza. Sebagai contoh penerimaan baik masyarakat yang cenderung kepada pendapat R1 tidak semestinya ‘baik’ kepada pendapat yang dibawakan R3. Ini kerana apabila ditafsirkan, penerimaan baik masyarakat yang dimaksudkan oleh semua responden adalah penerimaan baik daripada masyarakat yang berada di sekeliling mereka dan cenderung serta berpihak kepada pemikiran mereka. Oleh yang demikian, sudah pasti mereka tidak memaksudkan kepada masyarakat awam yang tidak cenderung dan berpihak kepada mereka. Ia adalah seperti pandangan mereka yang bercanggah dengan arus perdana iaitu menolak perayaan *maulid ar-rasul*, tahlil dan penutupan masjid ketika PKP. Bahkan ada juga di kalangan murid mereka telah menjawab fatwa-fatwa negeri dan menyanggah pendapat para mufti dan ustaz yang tidak sehaluan dengan mereka seperti kenyataan R3 di bawah;

*“...Datang saja benda pelik-pelik, fatwa pelik-pelik, orang [atau] ustaz mana keluarkan benda pelik-pelik masalah akidah, jadi dia sendiri pula, kita dengar [nampak] dia sendiri pula tolong jawab dengan ayat Quran. Dia sendiri dengan Quran, dia sendiri dengan hadith. Dia sendiri..mknanya kita [sudah]*

*tidak guna kita dah, [tapi] dia [yang menjawab]... ”<sup>52</sup>*

## KEPENTINGAN METODOLOGI HUKUM

Jadual 4.9: Adakah membina hukum dari mikroskop selain Shāfi’iy di Malaysia akan menghasilkan hukum yang sama dari ulama-ulama tempatan atau sebaliknya?

<b>Responden</b>	<b>Natijah Penggunaan Metodologi Hukum Selain Shāfi’iy, Sama dari Ulama Tempatan atau Sebaliknya</b>
R1	Tidak sama
R2	Mungkin sama mungkin tidak
R3	Tidak sama
R4	Tidak sama
R5	Tidak sama
R6	Tidak sama
R7	Tidak sama
R8	Tidak sama
R9	Selalu ada ikhtilaf furu’ (Tidak sama)

Sumber: Temu bual bersama Responden

Berdasarkan Jadual 4.9, lapan daripada responden R1, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9 membuat pengakuan bahawa penggunaan metodologi hukum selain Shāfi’iy akan mengakibatkan natijah yang berbeza daripada ulama tempatan. Walaupun begitu, R2 mengatakan berkemungkinan natijah yang terhasil bergantung kepada situasi (mungkin sama mungkin tidak). Namun dalam kenyataan susulan melalui soalan Jadual 4.10, R2 mengatakan perkara tersebut akan membuatkan masyarakat bertelagah.

<sup>52</sup> Responden 3 (R3), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir institut Madrasah Ahsanul Ulum Tok Bali) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S9/R3/28:55-31:48.

Menurut R4, badan fatwa di Malaysia mengambil pandangan pembayaran zakat fitrah dalam bentuk wang tunai daripada mazhab Hanafi, tetapi perkara ini juga dinyatakan oleh beberapa responden yang lain dalam bentuk kefahaman yang berbeza. Apa yang difahami daripada ketiga-tiga responden tersebut adalah masyarakat bebas menggunakan semua mazhab yang mereka ingini kerana badan berautoriti juga membuat penyelesaian masalah dari jalan tersebut. Kenyataan R3, R7 dan R8;

*“...Jadi pemahaman kepada orang awam, kira-kira orang awam ni bukan mazhab Shāfi’iy pun, jadi kira kita pergi kepada pemahaman hadith. Faham hadith dari segi lafzi hadith, makna hadith dan pembahasan dari segi pembahasan mazhab lah...”<sup>53</sup>*

*“Dia sebab kalau kita majlis fatwa kita pun ada hukum di Malaysia sendiri pun tidak ikut mazhab Shāfi’iy pun ada, tapi bila dia jadi muzakarah fatwa dah, bila ada perhimpunan keluar majlis fatwa sendiri tiada masalah.”<sup>54</sup>*

*“...Kita pun dalam masalah contohnya zakat fitrah, kita pun ambil mazhab Hanafi kebanyakan Malaysia ni. Sebab kita lihat dari sudut manfaat lebih kepada umum, umum manfaat, jadi kita pun ambil yang itu lah. Dia yang ini yang berlaku dah, masalah zakat fitrah ini. Memang berbeza lah kalau kita ikut yang asal kita kena bagi beras kan. Jadi dari segi dalil itu kukuh cuma dari segi, dari sudut lain, dari sudut manfaat. Maka mazhab Hanafi akan lebih umum lah*

---

<sup>53</sup> Responden 3 (R3), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir institut Madrasah Ahsanul Ulum Tok Bali) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S4/R3/6:29-7:30.

<sup>54</sup> Responden 7 (R7), (Pendakwah bebas aliran Deobandi) dalam temu bual dengan pengkaji, 16 September 2022. Rujuk S10/R7/13:52-15:10.

*manfaat dia.”*<sup>55</sup>

Apa yang dapat dibincangkan dalam ketiga-tiga petikan di atas, penggunaan mazhab lain dalam zakat fitrah oleh jabatan fatwa bukan memberi ‘green light’ kepada semua masyarakat awam mencampuradukkan semua mazhab yang ada. Sebaliknya, mestilah melalui proses yang sepatutnya seperti yang dijelaskan oleh R4 dalam petikan di bawah;

*“..Apabila digunakan metodologi yang lain, yang bertentangan dengan apa yang biasa digunakan oleh para masyarakat di sini yang dibimbing oleh ulama dahulu, dia akan menghasilkan suatu percanggahan yang mengeliru. Akan kekeliruan lah, kekeliruan dalam masyarakat, kepincangan. Melainkan kalau fatwa yang memutuskan, maksudnya ahli majlis fatwa ataupun mufti negeri memutuskan kita bayar zakat fitrah tidak ikut mazhab Shāfi’iy tapi ikut mazhab Hanafi, diwartakan oleh majlis fatwa, bukan masyarakat yang nak, saja-saja nak ambil.”*<sup>56</sup>

Daripada petikan di atas apabila diamati, dapat diketahui bahawa bukanlah bermaksud setiap orang mesti menggunakan satu mazhab sahaja dan tidak boleh keluar langsung daripada mazhab Shāfi’iy. Akan tetapi, ia memerlukan kepada saluran yang betul bagi mengelakkan perbalahan dalam kalangan masyarakat. Negara Malaysia mempunyai sistem autoriti keagamaan Islam yang sangat stabil. Sekiranya berlaku masalah yang perlu untuk melangkah keluar kepada mazhab yang lain, perlulah diwarta atau diumumkan oleh jabatan fatwa atau badan berautoriti. Ini sudah tentu bagi tujuan mengelakkan kekeliruan masyarakat.

---

<sup>55</sup> Responden 8 (R8), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul Ulum Tok Dor, Terengganu) dalam temu bual dengan pengkaji, 16 September 2022. Rujuk S10/R8/6:19-8:30.

<sup>56</sup> Responden 4 (R4) (Pendakwah bebas, tenaga pengajar di institut Darul al-Mustafa) dalam temu bual dengan pengkaji, 25 Ogos 2022. Rujuk S9/R4/10:42-12:43.

Jadual 4.11: Adakah perlu bagi ulama aliran Deobandi mendalami secara lanjutan metodologi hukum yang bersesuaian dengan keadaan setempat sekiranya tiada dalam silibus semasa pengajian?

Responden	Pengajian Lanjutan Metodologi Hukum yang Bersesuaian
R1	Perlu
R2	Perlu
R3	Perlu
R4	Perlu
R5	Perlu
R6	Perlu
R7	Perlu
R8	Perlu
R9	Perlu

Sumber: Temu bual bersama Responden

Dapatan daripada apa yang dilihat dalam Jadual 4.11 di atas menunjukkan kesemua responden sebulat suara mengakui bahawa pengajian metodologi hukum mazhab Shāfi'iy secara lanjutan bagi aliran Deobandi selepas tamat pengajian adalah sangat penting, ini kerana perkara tersebut tiada dalam silibus aliran Deobandi ketika pengajian. Kenyataan R1;

*“Perlu..perlu..perlu..perlu. Kalau dia belajar Hanafi, balik tempat Shāfi'iy kena belajar Shāfi'iy. Kalau dia tidak belajar Shāfi'iy, dia bawa kaedah Hanafi nak bentuk cara Shāfi'iy payah, tidak menjadi, natijah bercanggah. Dia kata dia betul, betul lah dari sudut Hanafi, dari sudut Shāfi'iy ni dia berbeza. Bukan salah..bercanggah, bercanggah dengan setempat.”<sup>57</sup>*

<sup>57</sup> Responden 1 (R1), (Tenaga pengajar institut aliran Deobandi Darul Ulum Az-Zahra) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S13/R1/1:56-2:55part2.

## KESAN METODOLOGI HUKUM

Jadual 4.12: Apakah masalah-masalah yang maulana hadapi sepanjang memberikan hukum kepada masyarakat?

Responden	Masalah yang Dihadapi Ketika Berhukum
R1	Tiada
R2	Tiada
R3	Ada
R4	Ada
R5	Tiada
R6	Ada
R7	Ada
R8	Tiada
R9	Ada

Sumber: Temu bual bersama Responden

Berdasarkan Jadual 4.12 di atas menunjukkan masalah-masalah yang dihadapi responden ketika memberikan pandangan hukum. Perkara ini menguatkan lagi tafsiran dalam Jadual 4.8 berkenaan respons yang ‘baik’ masyarakat terhadap semua responden adalah daripada pengikut dan mereka yang memihak kepada pemikiran responden. Bahkan, bagi responden yang menjawab ‘tiada masalah’ juga sebenarnya mempunyai masalah kecuali mereka bersikap lembut dan mengikut arus perdana. Perkara ini akan dihuraikan dalam jadual yang berikutnya.

Jadual 4.13: Pernahkah hukum atau pendapat yang maulana keluarkan bercanggah dengan jabatan fatwa negeri atau kebangsaan? Sekiranya ada, bolehkah maulana kongsi masalah tersebut?

Responden	Percanggahan dengan Jabatan Fatwa
R1	Tiada
R2	Tiada
R3	Ada



R4	Ada
R5	Ada
R6	Ada
R7	Ada
R8	Ada
R9	Ada

---

Sumber: Temu bual bersama Responden

Jadual 4.13 menunjukkan percanggahan pendapat yang berlaku di antara responden dengan jabatan fatwa. Dua daripada responden membuat kenyataan tiada, manakala tujuh yang lain mengatakan ada. Kenyataan R4;

*“Contohnya katakanlah fatwa Jakim yang sebelum ini menyesatkan tarekat Naqsyabandiyah Aliyyah Sheikh Nazim, walaupun saya tidak setuju dengan pendapat itu tetapi saya tidak pernah menzahirkan attack ataupun hentaman saya terhadap Jakim.*

*Maknanya tak nak bagi bercelaru lah?*

*Ha tak nak bagi celaru dalam masyarakat.*

*Walaupun dalam personally maulana tidak setuju?*

*Ha tidak setuju. Maka apabila sudah zahirkan sekarang ini fatwa mengatakan ianya boleh, maka saya akan kongsikan perkara-perkara berkaitan dengan Sheikh Nazim. Yang..yang apa yang orang keliru dan sebagainya contohnya tentang Nur Nabi SAW. Jadi saya terangkan penjelasan ilmiah tentangnya.<sup>58</sup>*

Petikan di atas menyatakan ketidaksetujuan responden R4 ke atas pengharaman tarekat Naqsyabandiyah Aliyyah Sheikh

---

<sup>58</sup> Responden 4 (R4), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar di institut Darul al-Mustafa) dalam temu bual dengan pengkaji, 25 Ogos 2022. Rujuk S16,S17/R4/20:35-22:08.

Nazim. Oleh kerana tidak ingin bercanggah dengan fatwa yang sebelum ini mengharamkan kumpulan tersebut, maka beliau hanya berdiam diri. Perbezaan pandangan oleh R6 berkenaan tarekat Naqsyabandiyyah Aliyyah Sheikh Nazim akan dibawakan di bawah. Menurutnya, beliau sekali-kali tidak bersetuju dengan kebenaran majlis agama di satu negeri yang membenarkannya. Ia sepatutnya masih diharamkan di Malaysia walau apa pun keadaannya kerana tarekat tersebut sangat berbahaya kepada masyarakat Islam di negara ini.

Kenyataan R6;

*Ada ni antara yang terkini yang Sheikh Nazim tu.*

*Boleh tak kongsi?*

*Ha itu tak boleh pergi [tidak setuju] yang itu. Yang halal tu kan tarekat Naqsyabandiyyah Aliyyah kan. Jadi halal, yang dah 20 tahun haram. Itu ana tak setuju.*

*Selain itu ada lagi yang pendapat peribadi maulana?*

*Mungkin ada lah, dia tidak jelas lah..tidak jelas.*

*Macam maulid ke apa ke?*

*Yang itu memang sudah lama dah, benda itu bukan masalah ana sahaja. Orang lain pun begitu. Dia sudah jadi kumpulan dah.*

*Apa Nizam Haqqani apa tadi..?*

*Nazim..Nazim, Sheikh Nazim.*

*Dia asal memang tidak boleh kan?*

*Yang berdebat tu kan. Yang berdebat dulu tu.*

*Ye..ye yang berdebat yang baru tu.*

*Ye, jadi ana tidak setuju tak usah cakap la fatwa majlis mana sekalipun.*

*Tidak setuju?*

*Tidak betul..tidak betul.*

*Maknanya maulana tetap dengan yang (fatwa) lama lah?*

*Yang itu betul yang itu, yang itu betul. Ini bahaya ni sebenarnya mendedahkan masyarakat.*

*Sebab dia terlalu, terlalu sampaikan sujud. Dia terlalu sangat kan sampaikan sujud kaki apa?*

*Yang sujud itu. Banyak perkara lah, banyak benda.<sup>59</sup>*

Petikan di atas menunjukkan percanggahan dengan fatwa di satu negeri yang menghalalkan tarekat Sheikh Nazim al-Haqqani. R6 tidak bersetuju dengan keputusan baharu negeri berkenaan kerana menurutnya Sheikh Nazim telah 20 tahun diharamkan di semua jabatan fatwa seluruh negara. Tetapi dengan keputusan terbaru di satu negeri, membuatkan ramai masyarakat keliru dan ini membahayakan akidah masyarakat Islam Malaysia.

Kenyataan R5;

*“Ha ada. Ada di antara fatwa yang kita rasa seperti pandangan mengenai, fatwa yang dikeluarkan mengenai perayaan maulid nabi. Apabila kita tengok dari sudut tulisan-tulisan, daripada beberapa ‘ālim ulama yang dikira bertaraf dunia, jadi tulisan-tulisan mereka hampir sama. Mengenai maulid nabi hampir sama iaitu mereka meletakkan garis panduan hanya menceritakan tentang nabi, [ia] harus, boleh. Tapi perayaan-perayaan selain daripada itu dikira sesuatu perkara yang dikira di luar dari syariat, perkara baru dalam Islam, jadi kita lebih bersetuju perayaan itu sebagai perkara baru dalam Islam.”*

---

<sup>59</sup> Responden 6 (R6), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul al-Kauthar) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022.

*“Boleh maulana kongsi hukum yang perkara baru tu, adakah dia haram ke ataupun..?”*

*“Jadi dia tidak haram, dia tidak haram. Dia adalah merupakan resam ataupun perkara-perkara yang dibuat oleh masyarakat, perkara ini baru yang sepatutnya kita elakkan daripada itu.”*

*“Maknanya kalau boleh, elakkan?”*

*“Ye. Elakkan lah, kita tidak akan beritahu hukum bahawa hukum dia berbeza, memanglah. Tapi kalau boleh elakkannya, itu lebih baik.”<sup>60</sup>*

Petikan di atas menunjukkan percanggahan R5 dengan jabatan fatwa. R5 tidak bersetuju dengan perayaan *maulīd ar-rasūl* kerana daripada rujukan beliau dengan beberapa tulisan ulama bertaraf dunia, R5 mendapati jawapan dan natijah yang hampir sama di kalangan mereka iaitu maulid nabi hanya sepatutnya menceritakan perihal dan sejarah nabi. Menurutny lagi, perayaan maulid adalah perkara yang baru dan terkeluar daripada syariat Islam. Kemudian, pengkaji membuat soalan susulan, “Jika perkara itu terkeluar daripada syariat Islam, adakah hukumnya menjadi haram”? R5 menjawab bahawa perkara itu adalah tidak haram, sebaliknya merupakan resam yang tidak elok untuk dirayakan. R5 dilihat telah bercanggah dengan kenyataannya sendiri. Ia susulan meletakkan satu perkara terkeluar daripada syariat Islam adalah satu dakwaan yang sangat berat. Ini kerana perkara yang terkeluar daripada syariat Islam akan menjadikan hukumnya haram. Tetapi apabila ditanya apakah hukum merayakan *maulīd ar-rasūl*, adakah ianya haram? Kemudian beliau merujuk kepada perkara yang ‘tidak elok’ dilakukan. Pada dasarnya perkara yang tidak elok dilakukan hanya akan menjadikan hukumnya makruh.

---

<sup>60</sup> Responden 5 (R5), (Pendakwah bebas aliran Deobandi, tenaga pengajar, pengasas dan mudir Darul Ulum Laklok) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022. Rujuk S16,S17/R5/12:39-14:12.

## PERPADUAN DARI KESELARASAN METODOLOGI HUKUM

Berdasarkan kenyataan-kenyataan sebelum ini yang diterangkan dan diakui sendiri oleh kesemua responden, jelas menunjukkan bahawa perpaduan masyarakat sangat berkait rapat dengan keselarasan metodologi hukum. Keselarasan metodologi hukum meniti di bibir setiap responden. Ini bermakna majoriti responden sedar akan kepentingan perkara ini. Oleh yang demikian, pada bahagian ini soalan seperti berikut telah diajukan;

*“Apakah ciri-ciri penting yang perlu dimiliki oleh seorang ulama supaya dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran masyarakat?”*

*“Bagi saya yang pertama sekali dia perlukan kepada kelapangan. Kelapangan dan keluasan ittisaq. Keluasan ilmu dan tidak cepat membantah. Tidak cepat membantah dan tidak cepat menolak dan meraikan khilaf. Meraikan khilaf dan selagi mana perkara itu bukan..selagi mana ia masih berada dalam arena perselisihan ulama, jangan sesatkan. Jangan sesatkan pendapat yang berada dalam perselisihan ulama...”<sup>61</sup>*

R4 menjelaskan bahawa seorang ulama perlu kepada keluasan ilmu dan kelapangan hati. Ini bermaksud sekiranya ada pihak yang tidak berpihak kepada ulama itu, janganlah terlalu mudah menyesatkan lantas mengeluarkan kata-kata yang kesat dan keji. Ia adalah hanya perselisihan khilaf yang tidak perlu diperbesarkan seterusnya membawa kepada pertelingkahan yang buruk kepada masa depan Islam.

Kenyataan R5;

*“Dia korikulum. Asalnya bagi saya yang penting bagi negara mana-mana sekali pun memantapkan korikulum. Biar korikulum negara kita sampai tahap*

---

<sup>61</sup> Responden 4 (R4), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar di institut Darul al-Mustafa) dalam temu bual dengan pengkaji, 25 Ogos 2022. Rujuk S18/R4/22:01-23:53.

*global, makna dalam pengajiaan tafsirnya secara complete sekurang-kurangnya dua kitab dapat ditamatkan seperti Jalalain dan Ibn Kathīr. Yang kedua dari segi hadith kerana negara kita di antara satu negara yang dikira ketinggalan dalam perkara ini. Jadi kita mantapkan supaya pengajian hadith ini dijadikan suatu pengajian yang penting, iaitu yang dimaksudkan dengan hadith ini bukan hadith yang berada dalam kitab Riyadus Solihin ataupun Bulughul Maram yang sudah ada, tetapi hadith ni yang ada sanad. Sebab perkara inilah yang kita dapati amat gersang, jadi sepatutnya kita suburkan pengajian ini kerana ia merupakan teras bagi pembinaan hukum. Jadi kita suka sangatlah kalau sistem Deobandi jenis pengajian hadith itu dapat dihidupkan di Malaysia tapi mengikut pengajian mazhab Imam Shāfi'iy seperti di negara mereka, dia tarjih mengikut Hanafi tapi di negara kita, kita buat pengajian dari segi tarjih itu mengikut Shāfi'iy. Jadi pengajian itu penting. Ha..jadi pengajian daripada semua kitab hadith muktabar seperti Şiḥaḥ al-Sittah itu dipelajari dengan baik dan kita ambil kelulusan mengikut pengajian tersebut. Makna dalam tafsir Jalalain atau Ibn Kathīr ini sudah kita tamat dan hadith Şiḥaḥ al-Sittah sekurang-kurangnya sudah dapat sebahagian besar daripadanya secara bertalaqqi. Ha ini yang saya nampak.”<sup>62</sup>*

R5 pula menekankan kurikulum sebagai ciri yang perlu ada pada seorang ulama. Ia semestinya pada tahap global dengan pengajian yang keseluruhannya tamat dari kulit ke kulit seperti *Tafsīr al-Jalālain*, *Ibn Kathīr* dan hadith *Şiḥaḥ al-Sittah* seperti *Bukhari* dan *Muslim* yang bersanad. Menurut beliau lagi, tidak memadai sekiranya hanya bersandarkan kepada hadith-hadith peringkat *Riyaḍ al-Şāliḥīn* dan *Bulūgh al-Marām*. Ini kerana

---

<sup>62</sup> Responden 5 (R5), (Pendakwah bebas aliran Deobandi, tenaga pengajar, pengasas dan mudir Darul Ulum Laklok) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022. Rujuk S18/R5/14:18-16:19.

pengajian hadith di Malaysia dianggap sebagai terlalu lemah dan gersang. Oleh itu, dengan mengikuti sistem aliran Deobandi dengan pengajian hadith bersanad sehingga Rasulullah SAW dan mentarjihkan kepada mazhab Shāfi'iy secara *bertalaqqi*, pengajian ilmu hadith di negara ini akan menjadi lebih subur dan meluas.

Daripada petikan di atas apabila dicerakinkan, pertama sekali adalah pengajian tafsir dan hadith *Ṣiḥaḥ al-Sittah* yang bersanad dalam negara perlu diselaraskan dengan teras mazhab Shāfi'iy supaya tidak melanggar arus perdana. Ini bermaksud, ia juga mesti dilampirkan dengan ilmu metodologi hukum yang lengkap dan sesuai dan bukanlah pengajian tafsir *Ibn Kathīr* dan *Ṣiḥaḥ al-Sittah* semata-mata. Ia ekoran daripada data yang menunjukkan penggunaan metodologi hukum aliran Deobandi adalah tidak lengkap. Penggunaan metodologi hukum aliran ini hanya berasaskan *uṣūl al-fiqh* dan sedikit sahaja yang menyatakan penggunaan *qawā'id al-fiqhiyyah*, manakala *maqāṣid al-syāri'ah* terus hilang daripada majoriti dan hanya disebutkan oleh seorang responden sahaja. Ini bermakna, *maqāṣid al-syāri'ah* sangat gersang di dalam aliran Deobandi.

Kedua, ilmu-ilmu yang tinggi ini tidak wajar diajarkan kepada masyarakat awam selama empat puluh hari atau empat bulan dan juga pengajian awam di masjid-masjid. Ini kerana pengajian tersebut mestilah bersistem seperti pengajian aliran Deobandi yang mengambil masa lapan tahun. Walaupun begitu, tidak menjadi masalah untuk membawa dalil daripada kitab besar dan sedikit penerangan pada tahap pemikiran awam kerana kata R2, “masyarakat sekarang sudah berbeza dan berkehendak kepada dalil sekiranya ada”. Sebaliknya, sekiranya tiada dalil dan masalah tersebut dilihat daripada sudut *maqāṣid al-syāri'ah* seperti penutupan masjid dan penjarakan saf ketika PKP, ulama itu mestilah memberikan penerangan dari sudut *maqāṣid al-syāri'ah* dengan jelas dan ringkas. Ini akan mewujudkan masyarakat yang terbuka dan sudah tentu selaras dengan jabatan fatwa lantas mengelakkan kekeliruan dan perbalahan.

Kenyataan R8;

*Ulama ni dia kena dalam diri dia kena penuh dengan sunnah nabi lah. Bila kehidupan dia tu sunnah dah, maka dengan sendirinya Allah akan bagi kesan lah*

*kepada masyarakat. Kalau dia tidak ada sunnah dalam diri dia..payah. Maknanya tidak menyentuh di hati.*

*Maknanya tidak sampai betul. Peribadi dia, ilmu.. ilmu?*

*Ilmu memang dia kena selaras lah sunnah.*

*Selari dengan sunnah sekali? Maknanya maksud Maulana ilmu tu dan amal terus?*

*Ha amal terus. Amal dalam kehidupan dia, yang itu perlu ada.<sup>63</sup>*

R8 dalam petikan di atas menegaskan bahawa seorang ulama perlu kepada penghayatan ilmu tersebut. Penghayatan di sini bermaksud, ilmu yang diperolehi mestilah juga selari dengan perbuatan dan amalan ulama tersebut. Ini adalah bertujuan mendapatkan kerohanian di dalam ilmu apabila ia disampaikan kepada masyarakat. Apa yang dapat dicerakinkan dalam petikan kenyataan R8 di atas adalah ulama haruslah mengamalkan sunnah kerana ia adalah satu amalan yang sangat baik dan terpuji. Seperti contoh pengamalan sunnah ke atas pemakaian jubah dan memelihara janggut, tetapi pada masa yang sama tidak memandang rendah kepada ulama atau sarjana Islam lain yang tidak mengamalkan sunnah tersebut. Ini kerana masyarakat Islam di Malaysia sinonim dengan pemakaian baju melayu, merapikan janggut dan juga pakaian lain yang bukan sunnah. Oleh yang demikian, ulama dan sarjana Islam tersebut juga tidak boleh diremehkan dan harus dihormati. Pemikiran yang jumud merendahkan ulama yang berpakaian baju melayu dan merapikan janggut akan menjurus pengikut mereka ke arah itu.

---

<sup>63</sup> Responden 8 (R8), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul Ulum Tok Dor, Terengganu) dalam temu bual dengan pengkaji, 16 September 2022. Rujuk S18/R8/12:12-15:30.



Jadual 4.14: Apakah pandangan Maulana tentang penutupan masjid dan penjarakan saf solat ketika PKP?

Responden	Penutupan Masjid dan Penjarakan Saf ketika PKP
R1	Setuju
R2	Setuju
R3	Tidak Setuju
R4	Tidak Setuju tapi akur
R5	Setuju
R6	Setuju
R7	Tidak Setuju
R8	Tidak Setuju
R9	Tidak Setuju

Sumber: Temu bual bersama Responden

*“Tidak terima lah. Makna [tutup] untuk berterusan tu tidak terima. Lepas itu bila tengok sekarang memang betul sungguh lah. Dengan tengok sekarang, benda COVID ada lagi memang ada lagi pun, lepas tu rapat [saf] elok ada. Tidak serupa dengan yang dijangka pun, yang orang bagitau dengan teori pun memang lah berjangkit habis lah. Tapi jangkit habis [semua] lah [kah]? Tak juga, maknanya kerana Allah nak bagi lah, kerana Allah nak bagi orang itu kena, kena lah. Ha begitu lah, jadi kalau fatwa yang terbaru tu tidak terima lah...”*

Jadual 4.14 di atas menunjukkan lima daripada sembilan responden tidak bersetuju dengan penutupan masjid dan penjarakan saf ketika PKP, manakala responden R1, R2, R5 dan R6 pula bersetuju dengan keputusan tersebut. R3 di dalam petikan di atas membuat kenyataan tidak menerima perkara ini. Akan tetapi beliau hanya menerima pada peringkat permulaan COVID

melanda.<sup>64</sup> Tambahnya lagi, kenapa perlu menggunakan fatwa yang sama sejak dari awal COVID bermula sehinggalah pada waktu temu bual dijalankan. Beliau berpendapat jabatan fatwa tidak membuat kerja dengan mengkaji balik fatwa yang lepas. Menurutnya lagi, melihat kepada keadaan semasa (ketika temu bual dilakukan), teori atau jangkaan kerajaan berkenaan penularan jangkitan COVID adalah tidak begitu tepat. Ia adalah kehendak Allah SWT, sekiranya Allah SWT membenarkannya maka ia akan berlaku, begitulah sebaliknya.

Apa yang dapat dibincangkan daripada petikan R3 di atas, Allah SWT yang berkuasa ke atas segala sesuatu yang berlaku di langit dan bumi. Walau bagaimanapun, menyingkap kepada sejarah nabi dan para sahabat, perjalanan hidup di dunia ini perlu kepada realiti kehidupan. Kisah yang diketahui umum ketika Rasulullah SAW berhijrah dari Mekah ke Madinah, yang mana peristiwa ini berlaku ekoran kafir Quraish ingin membunuh baginda. Ali RA telah diarah tidur di tempat tidur Rasulullah SAW, kemudian nabi keluar ke rumah Abu Bakar RA dan dari situ, baginda bertolak ke Madinah bersama Abu Bakar RA tetapi menuju ke Gua Thur, yakni ke arah Yaman yang membelakangi kota Madinah, ia bertujuan mengaburi mata musuh Islam. Kemudian, selepas tiga hari di Gua Thur, Rasulullah SAW berjanji untuk berjumpa dengan Abdullah bin Urayqit bagi memandu jalan ke Madinah. Nabi juga memerintahkan Abdullah bin Abu Bakar untuk datang ke Gua Thur pada waktu malam dan kembali sebelum fajar ke Mekah bagi membawa berita tentang kafir Quraish di Mekah. Asma binti Abu Bakar pula ditugaskan membawa makanan ketika di Gua Thur selama tiga hari. Perkara ini berterusan sehinggalah kafir Quraish di Mekah kembali tenang kerana menganggap Rasulullah SAW dan Abu Bakar RA telah sampai di Madinah.<sup>65</sup>

Pengajaran daripada sejarah yang dinyatakan di atas adalah kehidupan beragama mestilah diselaraskan dengan realiti kehidupan dan bukannya sekadar mengatakan semua itu kehendak

---

<sup>64</sup> Responden 3 (R3), (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir institut Madrasah Ahsanul Ulum Tok Bali) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S20/R3/1:06:06-1:11:25.

<sup>65</sup> Raghīb al-Sirjani, *The Simplified Encyclopedia of Islamic History*, part 1, Iqra Foundation, h. 19.

Allah SWT dengan tidak berusaha terhadap perkara tersebut. Melihat kepada perancangan teliti Rasulullah SAW di atas, sudah diketahui bahawa Rasulullah SAW mengajar umatnya untuk membuat perancangan di atas dasar yang realistik. Rasulullah SAW adalah pesuruh Allah SWT dan sudah tentu baginda mempunyai mukjizat, bahkan berupaya membunuh musuh dengan izin Allah SWT sekiranya dikehendakinya seperti tawaran Jibrail AS untuk menghancurkan musuh Islam dengan membenturkan dua gunung ketika di Taif, tetapi tawaran tersebut ditolak oleh baginda.<sup>66</sup>

Kenyataan R7;

*“Mengenai..mengenai tutup tu kita tidak sepatutnya tutup. Tutup tu kita tidak setuju lah tutup, tidak setuju tutup kerana masjid ini tempat rahmat.. tempat rahmat, walaupun dalam keadaan bala apa pun yang kita buat pakai facemask semua itu untuk menghalang penyakit lah. Salah salah satu nak menghalang penyakit ialah kena tarik rahmat tuhan. Maka masjid tempat Allah SWT turun rahmat, kita makmurkan tiada masalah dan kita tengok di negara lain yang makmurkan masjid tiada masalah pun, berlaku di Pakistan, di India juga.”<sup>67</sup>*

Petikan di atas menunjukkan kenyataan R7 yang tidak bersetuju dengan penutupan masjid atas dasar masjid adalah tempat rahmat, maka sekiranya ingin menghalang penyakit mestilah dengan tindakan menarik rahmat Allah SWT dengan membuka masjid-masjid. Apa yang dapat dicerakinkan dalam kenyataan di atas adalah, R7 melihat daripada *masalah* dan juga *mafsadah* yang lain seperti yang dilihat oleh R2 di dalam kisah sahabat nabi yang dihuraikannya di dalam temu bual seperti di bawah;

*“...Apa yang saidina Umar buat, saidina Umar bila tahu Amwas berlaku, Abu Ubaidah meninggal.*

<sup>66</sup> Sofiyurrahman al-Mubarakfuri. *al-Rahiq al-Makhtum*, Darul al-Salam, 160-161.

<sup>67</sup> Responden 7 (R7), (Pendakwah bebas aliran Deobandi) dalam temu bual dengan pengkaji, 16 September 2022. Rujuk S20/R7/35:20-37:30.

*Kemudian bila Abu Ubaidah meninggal Muaz bin Jabal pula jadi Gabenor, baru saja tiga empat hari dia pula meninggal. Lepas itu akhirnya hantar siapa..Amar bin Asr daripada Madinah untuk jadi gabenor dekat Syam. So bila Amar bin Asr sampai, Amar bin Asr kata apa..dia kata virus ini api, manusia ni hatob dia punya apa fuel kayu api. Api selagi ada kayu api selagi itu lah api bakar, so kita nak stop daripada ada kayu api kita tak nak orang berkumpul. So semua kena duduk jauh-jauh jangan jumpa siapa-siapa. Jadi masa itu Amar bin Shurahbil..sorry Shurahbil bin Hasanah, dia kata dekat Amar bin Asr “engkau dengan keldai aku ini, keldai aku cerdik lagi”, ini kenapa nak tutup-tutup apa ni..suruh orang jangan datang masjid jangan bergaul apa ni. So Amar bin Asr kata”aku tak akan layan kau punya provocatiton”. Dia tetap teruskan supaya semua orang beredar. So what happen, Shurahbil bin Hasanah meninggal pasal [wabak] taun yang complain tadi. Dia meninggal pasal taun, dan wabak stop dekat Amwas, wabak stop dekat Amwas. Ikrimah kata..okey lah sanad dia putus pasal Ikrimah kata saidina Umar kata apa, so sanad terputus lah mursal. Ikrimah kata demi Allah! bila Umar dengar apa yang Amar bin Asr, demi Allah! dia langsung tidak benci. Kalau kita tengok juga bila saidina Umar nak pergi ke Syam, on the way dengar kata taun tengah merebak so apa yang saidina Umar buat? Saidina Umar mula-mula bincang dengan siapa..orang-orang Muhajirin, semua kata, ada yang kata pergi ada yang kata tak pergi, ada yang kata pergi ada yang kata tak payah pergi. Lepas itu dia kata tidak ada jawapan lah, panggil orang Ansar, ulama Ansar ada yang kata pergi ada yang kata tak payah pergi, balik. Kemudian dia kata tiada jawapan juga, cuba panggil pemimpin-pemimpin Quraish, pemimpin-pemimpin Quraish semua sepakat, balik. Semua pemimpin Quraish semua sepakat kata balik.*

*Saidina Umar pun kata jom balik. Abu Ubaidah pun kata tak kan nak balik kot, kita dah ni dah [dalam perjalanan ke Syam], lari dari takdir ke. So saidina Umar kata kalau lah orang lain kata kita lari dari takdir, [tapi] menuju kepada takdir. Kalau ada dua jalan, satu itu penuh dengan tumbuh-tumbuhan rumput, satu lagi tandus tiada tumbuhan. Kalau kita pilih jalan yang tak ada tumbuhan pun, itu pun kita pergi kerana takdir, kalau kita ambil jalan yang ada tumbuhan pun, itu pun kita pergi kerana takdir. Lepas itu baru lah Abd Rahman bin Auf sampai, lepas tu kata kenapa gaduh-gaduh ni. Owh aku ada hadith, nabi kata kalau ada wabak satu tempat, yang orang luar jangan masuk, yang orang dalam jangan keluar. Jadi saidina Umar pun syukur alhamdulillah...”<sup>68</sup>*

Kenyataan R2 di atas menunjukkan bahawa dalam perkara agama perlunya kepada sudut pemikiran yang menyeluruh dan seimbang. Sekiranya hanya merujuk dan memandang dari satu sudut sahaja, ia sudah pasti akan menghasilkan natijah yang jumud lantas bertentangan dengan pihak berautoriti agama Islam tempatan. Kisah Umar RA boleh dijadikan pengajaran apabila keputusannya berpatah balik ke Madinah walaupun sudah dalam perjalanan ke Syam. Keputusan tersebut dilihat dari sudut yang menyeluruh sedangkan ketika keputusan berpatah balik dibuat, beliau masih tidak mendapatkan hadith yang dibawa oleh Abdul al-Rahman bin Auf RA. Ini menunjukkan bahawa ijtihad Umar RA sendiri pada permulaannya dengan pandangan yang menyeluruh yakni *Hifz al-Nafs* dalam *maqāsid al-syāri’ah* yang telah diaplikasikan sehingga ke hari ini.

## KESIMPULAN

Apa yang telah didapati daripada dapatan kajian dan analisis menunjukkan bahawa pendekatan metodologi hukum aliran

---

<sup>68</sup> Responden 2 (R2) (Penasihat Bank Standard Chartered, pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi di Darul Ulum Az Zahra dan Pengerusi Pusat Tahfiz Az Zahrah Lil Banat) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022. Rujuk S20/R2/42:57-50:51.

Deobandi adalah merupakan daripada metodologi hukum mazhab Hanafi. Walaupun pada peringkat pengajian *Daurah al-Hadīth* mereka didedahkan dengan mazhab empat yang lain, tetapi ia masih belum mencukupi kerana ada di antara mereka yang telah membuat lanjutan pengajian khusus metodologi hukum mazhab Shāfi'iy selepas tamat pengajian aliran Deobandi. Perkara ini disokong oleh kesemua responden dalam memberi kenyataan bahawa penggunaan metodologi hukum mereka di Malaysia adalah daripada mazhab Shāfi'iy. Ini adalah jelas menunjukkan bahawa pengajian aliran Deobandi masih tidak mencukupi untuk menguasai kaedah mazhab Shāfi'iy. Sekiranya mereka tidak membuat pengajian lanjutan, mereka tidak mampu menyelami masalah yang timbul berkenaan keadaan *'urf* yang berlaku dalam masyarakat Malaysia. Menggunakan metodologi hukum mazhab Shāfi'iy selepas tamat aliran Deobandi memerlukan kepada lanjutan dalam ilmu tersebut kerana tidak mungkin secara logiknya menggunakan metodologi hukum mazhab Shāfi'iy tanpa membuat apa-apa lanjutan. Lanjutan pengajian sama ada pengajian secara khusus dengan guru lain atau pengajian persendirian.

Kesedaran kesemua responden dalam metodologi hukum adalah sangat tinggi kerana lapan daripada sembilan mengakui bahawa al-Quran dan sunnah tidak mencukupi bagi tujuan pembentukan hukum. Mereka sedar bahawa tanpa metodologi yang sesuai akan menjerumus ke arah kecundangan banyak perkara yang tidak akan dapat diselesaikan. Pada dasarnya, al-Quran dan sunnah adalah sumber utama yang masih memerlukan alat untuk membentuk hukum. Kesedaran tersebut perlu selari dengan tindakan menguasai kerana tanpa tindakan, ia hanya dianggap kesedaran tanpa usaha untuk mengatasi masalah tersebut. Walaupun satu responden membuat kenyataan al-Quran dan sunnah sudah cukup untuk membina hukum tanpa penggunaan metodologi, ia dianggap minoriti dan terpendil bahkan bercanggah dengan kenyataannya sendiri dalam kenyataan yang lain.

Kefahaman responden dalam metodologi hukum pula adalah menyeluruh. Pada umumnya tujuh daripada mereka memahami alat untuk menarik dan membina hukum daripada al-Quran dan sunnah mestilah dengan menguasai *uṣūl al-fiqh*. Manakala seorang responden menggunakan *uṣūl al-fiqh* dan *qawā'id al-fiqhiyyah*

dan seorang responden sahaja menggunakan metodologi hukum lengkap iaitu *uṣūl al-fiqh*, *qawā'id al-fiqhiyyah* dan *maqāṣid al-syāri'ah*. Pada hakikatnya, metodologi hukum mestilah lengkap kepada tiga asas tersebut kerana metodologi hukum tanpa *maqāṣid al-syāri'ah* akan membawa kepada kejumudan dan kemandulan hasil<sup>69</sup> apatah lagi sekiranya tidak dijumpai di dalam sumber utama al-Quran dan sunnah.

Kebanyakan responden dilihat membuat kenyataan yang tidak selaras di antara satu sama lain malah bercanggah dengan diri mereka sendiri dalam Jadual 4.5 seperti melihat mazhab lain, muzakarah rakan dan *qiyās* ijtihad ulama. Pada asasnya, penggunaan metodologi hukum yang lengkap akan dapat mengatasi isu yang tiada di dalam sumber al-Quran dan sunnah. Ia menunjukkan penggunaan metodologi hukum yang lemah terutama dalam *maqāṣid al-syāri'ah* kerana penggunaan metodologi hukum yang lengkap sudah pasti tidak memerlukan mazhab yang lain untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Apa yang tiada di dalam mazhab fiqah itu sendiri bukanlah bererti tidak dapat diselesaikan dan perlu merujuk kepada mazhab yang lain, sebaliknya ia berpegang kepada metodologi hukum daripada manhaj Shāfi'iy. Keperluan kepada penguasaan metodologi hukum adalah sangat penting seperti ilmu *maqāṣid al-syāri'ah* yang telah diguna pakai oleh jabatan fatwa negeri dalam negara. Jabatan Fatwa Wilayah Persekutuan juga menegaskan ia menjadi satu kepentingan bagi seorang ulama untuk menggunakan metodologi hukum *maqāṣid al-syāri'ah*,<sup>70</sup> apatah lagi bagi mengatasi dan menghasilkan hukum yang tiada di dalam mazhab. Ahmad ar-Raisouni dan Nuruddin bin Mukhtar mengatakan adalah menjadi kewajipan kepada ulama untuk menguasai ilmu *maqāṣid al-syāri'ah*.<sup>71</sup> Sekiranya ulama aliran Deobandi tidak mementingkan

---

<sup>69</sup> Portal Rasmi, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Irsyad Uṣūl al-fiqh Siri ke-17: Pengenalan Tajdid Usul Fiqh. [muftiwp.gov.my](https://muftiwp.gov.my) <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/877-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-17-pengenalan-tajdid-usul-fiqh>

<sup>70</sup> Portal Rasmi, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Irsyad Uṣūl al-Fiqh Siri ke-33: Pendahuluan Kepada Ilmu Maqasid Syariah. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33-pendahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah>.

<sup>71</sup> Ibid.

penguasaan metodologi hukum yang lengkap, maka ia akan terus berlarutan kepada pelapis-pelapis baru daripada lepasan mereka.

Metodologi hukum yang selaras adalah sangat penting di sesuatu tempat. Di Malaysia, jabatan fatwa dan ulama menggunakan metodologi hukum mazhab Shāfi'iy kerana pada dasarnya majoriti masyarakat Malaysia berpegang kepada mazhab tersebut. Sekiranya aliran Deobandi menggunakan metodologi hukum mazhab yang lain selepas pulang ke tanah air, sudah tentu perkara ini tidak relevan malah tidak adil bagi rakyat Malaysia. Metodologi yang selaras pada umumnya mengeluarkan natijah yang sama walaupun terdapat perkara yang terpencil dan berbeza tetapi masih pada tahap toleransi yang dapat diatasi. Jika dilihat, apa relevannya ulama Hanafi dari Pakistan atau India yang menetap atau belajar di Malaysia, pulang ke tanah air mereka menggunakan metodologi hukum dari mazhab Shāfi'iy. Ia sudah tentu akan bertentang arus, mengelirukan dan akan menyebabkan perbalahan di tempat mereka.

Kesan daripada metodologi hukum yang tidak sesuai akan membawa kepada pertelagahan dalam kalangan masyarakat. Sekiranya pengajian lanjutan tidak dibuat ataupun metodologi hukum yang dikuasai hanya terbatas kepada *uṣūl al-fiqh* sahaja, maka akan menyaksikan percanggahan dan kejumudan yang sangat ketara dengan arus perdana apatah lagi sekiranya diabaikan terus daripada pemikiran mereka. Ini adalah kerana aliran Deobandi tidak dapat menyesuaikan pemikiran mereka dengan keadaan setempat dari apa yang terbentuk di tempat pengajian dan *'urf* di sana. Sebagai contoh, data menunjukkan kebencian melampau aliran Deobandi terhadap satu golongan yang dinamakan Brelwi yang berpegang kepada akidah *ḥāḍir nāẓir*. Akidah ini mempunyai kepercayaan nabi hadir dan nabi memantau alam semesta dan mereka akan berdiri di dalam majlis selawat dengan kepercayaan tersebut.

Walaupun terdapat persamaan dengan kelakuan tersebut, iaitu berdiri ketika majlis selawat, akidah orang Islam di Malaysia tidak mempercayai kehadiran baginda sebaliknya ia adalah di atas dasar takzim, membesarkan dan menghormati nabi. Dua perkara yang disebutkan ini adalah sangat berbeza kerana pegangan akidah yang berbeza. Akidah orang Islam Malaysia tidak akan



menyembah atau memuja kubur seperti kumpulan Brelwi. Mereka hanya sekadar menziarahi kubur dengan berselawat dan membaca ayat suci al-Quran. Usaha menutup pintu daripada kesyirikan masyarakat tempatan dengan menyekat amalan tersebut adalah satu usaha yang perlu dikaji. Apa yang perlu difahami tentang *sadd al-zarī'ah* adalah melihat kepada *mafsadah* berkaitan. Ia seperti pengharaman berkhalwat dengan ajnabi untuk mengelakkan zina. Apabila diamati, pengharaman khalwat adalah larangan melibatkan syahwat yang tidak dapat dikawal oleh lelaki atau perempuan, yang mana mereka akan terjerumus ke arah penzinaan. Sebaliknya menziarahi kubur, *maulīd ar-rasūl* dan amalan tahlil adalah jauh berbeza di dalam *sadd al-zarī'ah* pengharaman khalwat. Sejarah membuktikan berabad lamanya sejak kedatangan Islam di Tanah Melayu hingga kini, masyarakat awam di Malaysia tidak pernah melakukan amalan seperti kepercayaan Brelwi di Pakistan dan India. Maka, penyamaan akidah dan amalan tersebut dengan masyarakat tempatan yang berpegang kepada akidah Asya'irah adalah tidak adil dan wajar. Dengan terus menghukum kepada hukum syirik, haram, sesat, tidak ada di dalam al-Quran, sunnah, kitab-kitab *muktabar* dan sebagainya adalah antara salah satu kesan yang sangat ketara dan tidak sepatutnya berlaku kerana kekurangan pendedahan metodologi hukum.

Aliran Deobandi yang bersikap keras dan tiada toleransi tanpa metodologi hukum terutama *maqāṣid al-syāri'ah* tidak akan menundukkan pemikiran mereka dan menyebarkan kekerasan tersebut dalam masyarakat tempatan. Ini adalah kerana *'urf*, sosioekonomi ketika pengajian dan juga pembawaan daripada mazhab Hanafi yang keras tidak sesuai dengan orang timur yang kemudian menjadi pertelagahan sehingga aliran Deobandi dilabel sesat oleh sebahagian masyarakat seterusnya memulaukan mereka. Perkara ini menjadi satu kerugian bagi aliran Deobandi yang ingin berdakwah dan menyebarkan Islam di Tanah Melayu. Dengan ilmu yang tinggi dan bersanad seharusnya boleh diadunkan dengan menggunakan metodologi hukum yang sesuai dan mengambil kira keadaan dan sikap lemah lembut orang melayu lantas membawa kepada kebaikan dan banyak manfaat kepada masyarakat tempatan.

Ulama aliran Deobandi adalah antara ulama yang sangat layak dan berpotensi tinggi menjadi tonggak dalam masyarakat

Islam di Malaysia. Ini kerana pengajian aliran Deobandi adalah menyeluruh yang hanya memerlukan ‘sentuhan’ pada peringkat akhir. Alangkah indah sekiranya ulama aliran Deobandi dapat menguasai ilmu *maqāṣid al-syāri’ah* yang akan menyesuaikan diri mereka dengan keadaan setempat dan akan memberi manfaat kepada ramai umat Islam negara ini tanpa percanggahan ketara seperti mengatakan amalan masyarakat melayu terkeluar daripada syariat Islam, sesat-menyesatkan, kafir-mengkafirkan dan *distrust* kepada jabatan fatwa serta pihak berautoriti dalam negara yang pada akhirnya akan membawa kerugian kepada ulama aliran Deobandi itu sendiri, dijauhi masyarakat bahkan berkemungkinan akan dipulaukan.

## RUJUKAN

- Abdi Wijaya, “Dimensi Ilahi dan Dimensi Insani dalam Maqāṣid al-Syāri’ah,” Fakultas Syariah dan Hukum Universitas Islam Negeri (UIN), Alauddin Makassar.
- Abdul Hadi bin Yakoob (Pendakwah bebas aliran Deobandi, tenaga pengajar, pengasas dan mudir Darul Ulum Laklok) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022.
- Abdul Kader, Aisha Gharabi, “Dhawa’bit al-Fatawa fi al-Nawa’zil al-Mua’sirah,” *Majalah al-Bahuth wa al-Dirasah*, bilangan jurnal 21, 2013, h. 1.
- Abdul Latif bin Mohd Subki (Penasihat bank Standard Chartered, pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi di Darul Ulum Az Zahra dan Pengerusi Pusat Tahfiz Az Zahrah Lil Banat), dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022.
- Abdul Latif Muda, *Perbahasan Sejarah Perundangan Islam dan Mazhab Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2010.
- Abdul Qadir, al-Saddiq Dhu al-Nur, “Muzakkirat fi Maddah Tarikh al-Mahazib al-Fiqhiyyah al-Islamiyyah Wa al-Fatawa.”, h. 12.
- Abu Bakar Ahmad bin Hussain al-Bayhaqi, *Sunan al-Baihaqi*, vol. 2. Beirut: Dar al-Qutub al-Ilmiyyah, 1989.
- Abu Daud Sulaiman bin Ash’ath al-Azadi al-Sijistani, *Sunan Abu Daud*.

- Ahmed Abdul Salam Mohamed al-Raysuni, *al-Taysir al-Fiqhi*, Qutb al-Raysuni. Beirut: Dar Ibn Hazm, 2007.
- Akalily Narmi, Mohd Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubuk, “Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi dalam Perkembangan Intelektual Islam di Malaysia: Beberapa Perkembangan Mutakhir.” *Journal of al-Tamaddun*, Vol. 17, no. 1 (2022), 97-108.
- Akmaludin Sya’bani, “Maqasid al-Syari’ah Sebagai Metode Ijtihad,” Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Mataram.
- Alias Azhar, “Usul Fiqh Sebagai Metod Penyelidikan Syariah,” Kolej Undang-undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. *Journal of Ethic and Governance* 53, no. 4 (2008), 53-68.
- Ali bin Ahmad al-Nadwi, *Mawsu’ah al-Qawā’id wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah*, (1999), j. 1, Dar ‘Alam al-Ma’rifah, h. 149.
- Ali bin al-Hasan bin Hibatallah bin Abdullah (Ibn Asakir), *Tarikh Dimasyq*, Beirut, Dar al-Fikr 1416H/1996M, 40/381.
- Atha’ bin Khalil, *Kajian Usul Fiqh Mudah dan Praktis*. Bogor: Pustaka Thariqul Izzah, 2011.
- Barbara Metcalf, *The Madrasa at Deoband: A Model for Religious Education in Modern India*, *Modern Asian Studies*, vol. 12 (1978).
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat, Kamus Inggeris Melayu Dewan*, Daftar Istilah, Istilah Agama Islam c.1996-2019.
- Faisal bin Ahmad Shah, Pelajar-pelajar Malaysia di Institusi-institusi Pengajian Islam di India: Analisis Bermula Tahun 1947 Sehingga 1990. Tesis Ph.D, pensyarah kanan di Jabatan al-Qur’an dan al-Hadīth Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Fakhrurrazi, “Benarkah Campur Madzhab akan Buat Orang Bergaduh.” <https://www.youtube.com/watch?v=wplSxHgGhTg>.
- Farid Sufian Shuaib, Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal, “Administration of Islamic Law Malaysia,” *Malayan Law Journal* 2001.

- Fauzi Shaban Elgariani, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah (Islamic Legal Maxim): Concept, Funtions, History, Classifications and Application to Contemporary Medical Issues*, (University of Exeter, Thesis for the degree of Doctor of Philosophy and Islamic Studies, 2012), h. 121.
- Ghanzanfar Ali Khan. *History of Islamic Education in India and Nadvat ul Ulama*. New Delhi: Kitab Bhavan, 2004.
- Harian Metro, "Musailamah: Ancaman Akidah Pertama dalam Islam," 30 Mei 2020. Penulis adalah Setiausaha Muzakarah dan Syariat (Muhadis).
- Hasbullah bin Aliyy. *Usul al-Tasyri' al-Islamiyy*. t.t.: Dar al-Fikr al-Arabi, 1982.
- Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Syatibi al-Gharnati. *al-Muwāfaqāt fi Usul al-Syari'ah*, vol.1.
- Ismail Che Daud. Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu, (1), *Ahmad Maher: Dato Hj Ahmad Maher Ulama Tersohor Kelantan*," Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2001.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Sejagat~Iklusif~Progresif, Maqasid Syariah Asas Kesejahteraan Rakyat dan Negara," artikel Maqasid Syariah: hits: 2673.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Huraian Aplikasi Lima (5) Prinsip Maqasid Syariah dalam Takbir Urus," Bahagian Maqasid Syariah, <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus>.
- Jabatan Mufti Perak, "Peranan Usul Fiqh dalam Pembinaan Hukum Syarak." [mufti.perak.gov.my. https://mufti.perak.gov.my/images/minda\\_mufti/2020/artikel/jan/01/usul\\_fiqh.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/minda_mufti/2020/artikel/jan/01/usul_fiqh.pdf)
- Jabatan Mufti Perak, "Sejarah Kemunculan Mazhab Fiqh," (BahagianPertama), [https://mufti.perak.gov.my/images/minda\\_mufti/2021/artikel/fiqh1.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/minda_mufti/2021/artikel/fiqh1.pdf)

- Jabatan Mufti Perlis, “Fatwa Negeri Perlis tentang Isu-isu Hukum yang Menjadi Khilaf di Kalangan Masyarakat negeri Perlis.” <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/90-fatwa-negeri-perlis-tentang-isu-isu-hukum-yang-menjadi-khilaf-di-kalangan-masyarakat-negeri-perlis>.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, “Hukum Menyambut Maulid ar-Rasul,” *Bayan Linnas Siri ke- 80*. <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/1048-bayan-linnas-siri-ke-80-hukum-menyambut-maulid-al-rasul>.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, “Maqasid Syariah dalam Perubatan,” *Bayan Linnas Siri Ke-189*. <https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3541-bayan-linnas-siri-ke-maqasid-syariah-dalam-perubatan>.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, “Uşul al-Fiqh: Definisi, Perkembangan dan Kepentingannya,” *Irshad Uşul al-Fiqh Siri 1*. [muftiwp.gov.my](https://muftiwp.gov.my)
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, “Kitab-kitab Berkaitan Ilmu Uşul al-Fiqh,” *Irsyad Uşul al-Fiqh Siri ke-2*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/1529-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-2-kitab-kitab-berkaitan-ilmu-usul-al-fiqh>.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, “Pengenalan Tajdid Usul Fiqh,” *Irsyad Uşul al-Fiqh Siri ke-17*. [muftiwp.gov.myhttps://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/877-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-17-pengenalan-tajdid-usul-fiqh](https://muftiwp.gov.my/https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/877-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-17-pengenalan-tajdid-usul-fiqh).
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, “Pendahuluan Kepada Ilmu Maqasid Syariah,” *Irshad Uşul al-Fiqh Siri ke-33*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33-pendahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah>.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, “Berinteraksi Dengan Sunnah,” *Irshad al-Hadīth Siri ke-250* <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-Hadīth/2309-irsyad-al-Hadīth-siri-ke-250berinteraksi-dengan-sunnah>.

- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, “Majlis Tahlil Arwah”.  
<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3477-al-kafi-1288-hukum-memberi-sumbangan-untuk-majlis-tahlil-arwah>.
- Jalal al-Dīn bin ‘Abd al-Rahman al-Suyuti, (2004), *Asybah wa al-Nazai’r*, j. 1, c. 2, Kaherah: Dar al-Salam, h. 66.
- Jasni bin Sulong, Faisal Husen Ismail, “Kesejahteraan Sejagat: Analisis dari Perspektif Maqāsid al-Syāri’ah,” Kertas kerja ini telah dibentang dalam Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat anjuran Fakulti Usuluddin Universiti Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam pada 24- 25 Februari 2010 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei.
- Juhari bin Mohamad Ali (Pendakwah bebas aliran Deobandi, tenaga pengajar, pengasas dan mudir Darul Uloom al-Islamiah Sungai Salan, Jerantut, Pahang) dalam jawapan bertulis kepada pengkaji melalui aplikasi whatsapp, 18 September 2022.
- Kementerian di Jabatan Perdana Menteri, *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*, disediakan oleh PINTA Kebangsaan (Persatuan Ihtimam Tahfiz al-Quran). Pertubuhan Sekolah Tahfiz Malaysia, Sumber: data sehingga Jun 2019.
- Malik bin Anas bin Malik bin Amir al-Harith, *al-Muwatta*. Dar Ihya Ulum Arabiyyah.
- Manna’ al-Qattan, *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Riyad: Maktabah al Makarif li al-Tawzi’ wa al-Nashr.
- Mardhiya Mukhtar, *Kaedah-kaedah Hukum Islam Mazhab Shāfi’iy*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., 2004.
- Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud, Mohd. Fuad Sawari, “Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Waqaf,” artikel.
- Mohd Aidil Afizi (Pendakwah bebas aliran Deobandi) dalam temu bual dengan pengkaji, 16 September 2022.
- Mohd Army Yusop, Pengajian Hadith di Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling Kuala Lumpur, Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya.

- Mohd Edrus bin Abd Rahman (Tenaga pengajar institut aliran Deobandi Darul Ulum az-Zahra) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022.
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias. “Aspek-aspek Pemikiran Kritis dalam al-Qawā'id al-Fiqhiyyah,” *Jurnal Syariah*, vol. 18, no. 3 (2010), 527-564.
- Mohd Fauzi Mohd Amin & Aziah Mohd Jesan. “Matlamat Pembelajaran Ilmu Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh Serta Kedudukannya dalam Pendidikan Negara Malaysia,” *Kajian Syariah Undang-undang Siri 3* (2011), 71-87.
- Mohd Iqbal bin Zain (Pendakwah bebas, tenaga pengajar di institut Darul al-Mustafa) dalam temu bual dengan pengkaji, 25 Ogos 2022.
- Mohd Zaki bin Yaakob (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul Ulum Tok Dor, Terengganu) dalam temu bual dengan pengkaji, 16 September 2022.
- Mualimin Mochammad Sahid, Fettane Amar dan Ahmad Syukran Baharuddin, “Aplikasi Kaedah-kaedah Fiqh dalam Isu-isu Semasa Pandemik COVID-19,” *Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia*, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. Vol 3 No.1, pp. 535-543, October 2020 E-ISSN: 2735-1742.
- Muhammad Ali al-Shaabuni, *al-Tibyaan fi Ulum al-Quran*, terj. Aminuddin. Bandung: Pustaka Setia, 1998.
- Muhammad al-Tahir bin Asyur, *Maqasid al-Syariah al-Islamiah*, J.3, Jordania: Dar An Nafais, 2001.
- Muhammad Asri bin Yusuf, “Pegangan Ajaran Barelvi yang Membahayakan Umat Islam,” sumber Youtube, <https://fb.watch/gZn-ymzzn7/>.
- Muhammad Asri bin Yusuf (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Darul al-Kauthar) dalam temu bual dengan pengkaji, 15 September 2022.
- Muhammad Asri bin Yusuf, “Penjelasan Bid'ah-10-Sambutan Maulud Nabi SAW - Maulana Asri,” sumber Youtube. <https://youtu.be/cDbvSfm7qgw>.

- Muhammad bin Hibban bin Ahmad al-Tamimi al-Busti, *Sahih Ibnu Hibban*, No. Hadith:12, Status: Hadith Sahih.
- Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Ju'fiy al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Hadith No. 4988.
- Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi, *al-Mustasfā min 'Ilm al-Usul*, j. 1, h. 268.
- Muhammad Hasan Hitu, *al-Wajiz fi Usul al-Tashri' al-Islami*. Bayrut: Resalah Publisher, 2009.
- Muhammad Nazir Alia, Maimun Aqsha, Mohd Sham Kamis, Muhammad Adib Samsudin, Anwar Fakhri Omar, Ahmad Irdha Mokhtar. "Maqasid Syariah Sebagai Sandaran Hukum Menurut Mazhab Syafi'iy," *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, vol. 2, no. 1 (2018), 48-58.
- Muhammad Nur al-Dīn Marbu al-Banjari al-Makki, *al-Durar al-Bahiyah fi Idah al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Kedah: Pustaka Dar al-Salam Sdn. Bhd., 2002.
- Muhammad Sallam Madkur. *Madkhal al-Fiqh al-Islami*. Qahirah: al-Maktabah al-Arabiyyah, 1963.
- Muhammad Tayyib, *Ulama Deoband Ittijahuhum al-Dini wa Mizajuhum al-Madhabi*. Hind: Dar al-Ulum Deoband, 2001.
- Mustafaa al-Khin, *Atharul Ikhlitaf fi al-Qawā'id al-Uṣūliyyah*. Bayrut: Mu'assasah al-Risaalah, 2014.
- Mustafa Dib al-Bugho, *Athar al-Ad'illah al-Mukhtalaf Fiha fi al-Fiqh al-Islamiy*, "*al-Quran, Sunnah, Ijma, dan Qiyas*." Dimashq: Dar al-Qalam, 1999.
- Nazihah binti Nasirudin, "Maqasid Syariah Dalam Bab Perkahwinan Dari Segi Tanggungjawab," Tesis, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Mei 2011.
- Nazri Muslim, "Aplikasi Kaedah Usul Fiqh dalam Memahami Hadith-hadith Berkaitan Wabak dan Penetapan Langkah Keselamatan," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7, no. 5 (2022), 1-10.
- Raghib al-Sirjani, *The Simplified Encyclopedia of Islamic History*, part 1, Iqra Foundation, h. 19.



- Saadan bin Man, “Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya,” artikel, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi P e n g a j i a n Islam, Universiti Malaya, h. 10.
- Saadan bin Man (1994), “Doktrin Masyaqqah dan Hukum Keringanan Menurut Prinsip Islam,” *Jurnal Syariah*, j.2, b.2, h. 19.
- Said Ramadhan al-Bouti, *Dawabit al-Maslahah fi al-Syariah al-Islamiah*, (1977 M/ 1397 H), h. 110, 118, 144, 190, 217.
- Sayyid ‘Abd al-Majid al-Ghawri, *A’lam al-Muhaddithin Fi al-Hind Fi al-Qarn al-Rabi’ Ashar al-Hijri wa Atharuhum fi al-Hadīth wa Ulumihi*, (2000), Dimasyq: Dar Ibn Kathīr, h. 153-154.
- Siti Nuramalina Che Omar dan Mohd Norhusairi Mat Husin, “Pemakaian Kaedah-kaedah Fekah dalam Institusi Fatwa di Wilayah Persekutuan dari Tahun 2010-2014,” *Online Journal Research in Islamic Studies*. Vol. 5 No. 3 (2018): 37-64.
- Sofiy ur-Rahman bin Abdullah bin Muhammad Akbar al-Mubarakfuri, *al-Rahiq al-Makhtum*, Darul al-Salam.
- Solahuddin al-Ayyubi bin Rosman (Pendakwah bebas, tenaga pengajar aliran Deobandi, pengasas dan mudir Madrasah Ahsanul Ulum Tok Bali) dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Ogos 2022.
- Solahuddin bin Ismail, “Jurnal Sejarah Perkembangan dan Status Terkini Pengajian Tahfiz di Malaysia,” Pusat Pengajian Kerajaan COLGIS Universiti Utara Malaysia, h. 2.
- Sumayyah Abdul Aziz, Rizwan Ahmad, “Peranan Maqasid Syariah Dalam Falsafah Epistemologi Ijtihad semasa.” *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*. Vol. 4.No. 2 (2016).
- Syafiq A. Mughni, Ahmad Firdaus, Akmaliah, “Jurnal of Historical Studies, Dar al-Ulum of Deoband: An Education, Propagation and Islamic Political in India,” *Tawarikh* 10, no. 2 (2019).

Taha bin Yusof Karaan, Mufti of Capetown, Muslim Judicial Council (MJC) Capetown, Afrika Selatan. Pengasas Dar ul-Ulum al-Islamiyah al-Arabiyyah Strand, Capetown, South Afrika, dalam temu bual dengan pengkaji ketika kunjungan terakhir beliau ke Malaysia, 30 november 2019.

Wahbah Mustafa al-Zuhayliyy (2003), *al-Wajiz fi Uşūl al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy.